

UPB 69793

11/Book (2)

SEMINAR SEJARAH MALAYSIA KE II  
anjuran  
PERSATUAN SEJARAH UNIVERSITI KEDANGSAAN MALAYSIA

BAHAN-BAHAN SEJARAH MALAYSIA DI-DALAM DAN  
DAN LUAR NEGERI DAN CARA-CARA PENGUMPULANNYA

-oleh-

SATINAM RIJAL

(ARKIB DAN PERPUSTAKAAN NEGARA)

5hb.Ogos,1974: Jam 8.00 malam

66568

M  
959.5  
SEM

- 69793  
APB

2 2 JUN 1979  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

(1)  
Bahan-Bahan Sejarah Malaysia Didalam Dan Luar Negeri

Dan Cara-Cara pengumpulannya oleh Satinam Rijal

(Arkib & Perpustakann Negara Malaysia)

Didalam kertas kerja ini saya bercadang hendak membincangkan tajuk diatas mengikut tajuk-tajuk kecil berikut:-

- a. Definasi bahan-bahan sejarah
- b. Pusat-pusat pengumpulan bahan sejarah di Malnysia dan Singapura
- c. Masalah-masalah yang dihadapi bersama
  - (i) Masalah mengesan bahan-bahan sejarah yang ada di negara kita dan diluar negeri dan membuat senarai induk simpanan disemua institusi
  - (ii)Masalah kurang sambutan dari negara-negara bekas penjajah kepada usaha-usaha negara-negara sedang membangun dalam ikhtiar mengisikan kekosongan dalam simpanan bahan sejarah
  - (iii)Masalah mendapatkan bahan dari Indonesia
- d. Cadangan-cadangan

a. Definasi bahan-bahan sejarah

Bahan-bahan sejarah termasuklah sumber-sumber asal(primary sources) dan sumber-sumber bukan asli.Diantara lain sumber utama termasuklah surat-surat dan bahang-bahan arkib lain seperti perjanjian, lambang, lencana dsb.;manuskrip-manuskrip; dan inskripsi-inskripsi.Kebanyakan sumber-sumber bukan asli berupa bahan-bahan terbitan.

b. Pusat-Pusat Pengumpulan bahan Sejarah Di Malaysia dan Singapura.

(i) Arkib Negara Malaysia:

Sebagaimana saudara-saudara dan saudari-saudari lebih maklum,kebanyakan bahan-bahan yang dikumpul oleh Arkib Negara adalah bahan-bahan asli.Rekod-rekod di Arkib Negara terbahagi kepada dua bahagian iaitu rekod-rekod awam dan rekod-rekod persendirian.Dibawah Akta Arkib Negara tahun 1966 rekod-rekod awam adalah apa jua rekod yang dikeluarkan atau diterima oleh sesuatu pejabat awam.Dibawah Akta Arkib Negara tahun 1966,semua rekod awam yang lebih dari dua puluh lima tahun harus dipindahkan ke Arkib Negara.Jangka masa ini telah dipinda kepada

(2)

dua puluh tahun dibawah Surat Pekeliling Am Kerajaan Bil.23 Tahun 1972 berjudul Pemeliharaan Rekod-Rekod Kerajaan. Seperti tertera didalam Akta Arkib Negara 1966 jenis-jenis rekod awam ini termasuklah surat-surat,dokumen,rekod,register,bahan-bahan terbitan,buku-buku,peta,pelan,lukisan,Gambar,mikerofilem,filem dan bahan rakaman seperti piring hitam.

Rekod-rekod persendirian diporolehi secara hadiah dari-pada orang-orang yang ada menyimpan rekod-rekod ini.Jabatan ini juga berusaha melengkapkan bahan yang ada dengan mengumpul bahan-bahan secara ramalan lisan dengan orang-orang yang pernah mengambil peranan penting dalam bidang pentadbiran,ekonomi,nastera,politik dan lain.

Arkib Negara juga mengumpul rekod-rekod dari badan-badan perniagaan dan politik. Disebabkan rekod-rekod jenis ini tidak termasuk dibawah kuat-kuasa Akta Arkib tahun 1966 dan kerana kekurangan kakitangan di Arkib Negara,maka pengumpulan rekod jenis ini tidak dapat dijalankan dengan pesatnya.

Setakat ini Arkib Negara mempunyai lebih kurang 4,200 kaki panjang fail daripada badan-badan awam yang telah mencapai taraf Arkib,950 kaki panjang terbitan-terbitan,3086 peta,13,592 gambar foto, 93 pita rakaman,279 piring hitam,4 filem,161 surat perjanjian,747 torak mikerofilem yang dibeli dari luar negeri dan sebanyak 540 kaki panjang suratkhabar tempatan sebelum tahun 1965.

Diantara koleksi-koleksi surat-surat persendirian termasuk koleksi Allahyarham Aminuddin Baki,Mendiang Tan Cheng Lock,Allahyarham Tan Sri Zainal Abidin b.Ahmad (Zaaba),Aziz Ishak,Puan Hajjah Tom bt.Datuk Abdul Razak dan Tan Sri Fatimah.

#### (ii) Perpustakaan-Perpustakaan Universiti Malaysia Dan Singapura.

Disebabkan kesuntukan masa,saya tidak dapat membuat satu tinjauan mendalam mengenai cara-cara perolehan bahan sejarah institusi-institusi tersebut.Tetapi memadeilah saya sebutkan disini bahawa kedua-dua institusi ini disebabkan permulaan didalam bidang ini yang lebih awal,mereka mempunyai simpanan bahan-bahan sejarah yang amat kaya. Kebanyakan bahan asal yang dipunyai oleh mereka adalah dalam bentuk salinan filem mikro atau mikrofis(microfiche).Mereka mempunyai salinan hampir semua suratkhabar,rekod-rekod zaman penjajahan seperti Sumatra Factory Records,Straits Settlements Factory Records,yang asalnya tersimpan di Public Record Office dan India Office Library di London.

Untuk senarai yang lebih lengkap sila lihat makalah bertajuk 'History in Microfilm' oleh Jean M.Waller didalam buku Tregonning Malaysian Historical Sources.

(iii) Perpustakaan-Perpustakaan Universiti-Universiti Baru Seperti Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia

Tiap-tiap Universiti yang mempunyai sarjana dalam lapangan sejarah tidak juga ketinggalan melancarkan dasar perolehannya untuk mendapatkan semua bahan-bahan sejarah yang diperlukan. Ini termasuklah salinan sumber-sumber utama dalam bentuk mikrofilem dan sumber-sumber tambahan. Diantara perolehan baru Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia termasuklah salinan mikrofis sebahagian bahan dalam 'Wason Collection' yang terdapat di Olin Library, Cornell Universiti. Bahan ini ialah terbitan-terbitan yang diterbitkan di Indonesia dari tahun 1945 sehingga 1968. Mikrofis ini dibeli melalui Inter Documentation Company (IDC) bertempat di Zug, Switzerland.

c. Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Institusi-Institusi Berkenaan

- (i) Masalah mengesan bahan-bahan sejarah yang ada dinegara kita dan diluar negeri dan membuat senarai induk simpanan disemua institusi.

Semua institusi-institusi mempunyai bahan, ada menyediakan senarai-senarai bahannya tetapi senarai-senarai ini belum pernah digabungkan didalam satu senarai induk. Cadangan ini telah dikemukakan oleh Puan Patricia Lim Pui Huen didalam kertas kerjanya bertajuk Southeast Asian Microforms-National, Regional and International Perspectives yang dibentangkan di Persidangan Kedua Pustakawan-pustakawan Asia Tenggara di Universiti Filipina diantara 10-14 Disember 1973. Senarai induk yang dicadangkan itu bertajuk Masterlist of Southeast Asian Microforms. Senarai induk bahan apabila sedia dapat digunakan untuk menyelaraskan rancangan-rancangan perolehan institusi-institusi berkenaan. Dengan adanya penyelarasan, duplikasi dapat dielakkan terutamanya dalam pembelian koleksi yang amat mahal harganya. Dengan adanya senarai induk tersebut diatas satu rancangan kerjasama dapat dimulakan iaitu menentukan bahan-bahan mana yang harus diperolehi oleh sesuatu institusi itu. Cara perolehan ini akan menentukan bahawa institusi-institusi berkenaan akan mm

mempunyai ba han-bahan secara menyeluruh.

Dengan menyedari hakikat-hakikat ini SCOM-Subcommittee on Microforms (Jawatankuasa Kecil berkenaan dengan Mikroform) telah ditubuhkan pada tahun 1968 dengan tugas-tugas tertentu

- i.untuk mengkaji hal-hal mengenai sumber mikrofilem
- ii.memeriksa kedudukan rancangan-rancangan mikrofilem
- iii.membuat cadangan-cadangan supaya dapat diselaraskan rancangan-rancangan mikrofilem diperingkat nasional dan antarabangsa.

Ahli-ahli Jawatankuasa pada tahun 1973 termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka; Perpustakaan Negara,Singapura; Arkib dan Perpustakaan Negara, Malaysia Arkib Negara dan Pusat Rekod,Singapura;Muzium Sarawak; Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia;Perpustakaan Universiti Malaysia; Perpustakaan Universiti Sains;Institute of Southeast Asian Studies, Singapura;Perpustakaan Universiti Nanyang dan Perpustakaan Universiti Singapura.

Dengan mengadakan mesyuarat dan dengan menyedarkan senarai-senarai induk bagi ba han-bahan disesuatu institusi maka tiap-tiap ahli Jawatankuasa mengetahui mengenai rancangan mikrofilem secuatu institusi pada tahun berkenaan,tajuk-tajuk yang telah dimikrofilem dan juga projek-projek mikrofilem baru.Sebagai sebuah badan penerangan mengenai mikroform,SCOM dapat menyelaraskan aktiviti-aktiviti memikrofilem bahan didalam negeri.

#### (ii) Masalah Mengisi Kekosongan Dalam Kumpulan-Kumpulan Rekod.

Banyak diantara bahan-bahan sejarah Malaysia telah di-ekspotkan ke negara-negara bekas penjajah terutamanya ke Great Britain. Institusi-Institusi di Great Britain yang mempunyai bahan ini seperti Public Record Office dan India Office Library pada tahun-tahun yang lalu telah memberikan kerjasamanya dengan melayan pesanan-pesanan memikrofilem bahan dari institusi-institusi di Malaysia.

Ada juga masanya imana negara-negara bekas penjajah ini menunjukkan sikap kurang sambutan kepada permintaan untuk mendapatkan bahan daripada negara-negara sedang membangun.Dibawah adalah contoh-contoh di mana negara-negara bekas penjajah ini menunjukkan sikap ini.

Dipersidangan Arkib Antarabangsa ke Enam di Madrid pada bulan September 1968,Datuk Alwi Jantan selaku Pengarah Arkib

(5)

Negara pada masa itu telah merayu supaya semua kuasa-kuasa yang mempunyai tanah jajahan pada masa dahulu menolong negeri-negeri tersebut dengan memberi mereka salinan mikrofilem percuma mengenai zaman penjajah sebagai bantuan. Setakat ini belumlah ada apa-apa kemajuan didalam hal ini. Satu lagi cara<sup>(1)</sup> yang dicadangkan oleh Datuk Alwi ialah meminta UNESCO telah menghantarkan unit mikrofilem untuk memikrofilem bahan dikehendaki.

Pada bulan Oktober, 1972 Perpustakaan Universiti Kobangsaan didalam Rancangan UNESCO bagi tahun 1973-1974 telah membuat permintaan yang agak sama iaitu meminta supaya UNESCO 'membentuk Unit Mikrofilem di Holland dibawah anjuran UNESCO dan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Belanda untuk memikrofilemkan bahan-bahan ilmiah bersangkutan dengan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu dan bahan-bahan lain mengenai Nusantara'. Hanya baru-baru ini sahaja Perpustakaan Universiti Kebangsaan diberitahu oleh Kementerian Pelajaran bahawa UNESCO telah tidak menerima cadangan ini.

Satu cara untuk mengatasi masalah ini yang telah diambil ialah dengan mengadakan consortium memikrofilem yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu untuk memperolehi salinan bahan-bahan tertentu yang diperlukan oleh ahli-ahli yang bekerjasama dengan consortium. Munafaat mengadakan consortium ialah untuk mengurangkan kos unit sesuatu salinan positif mikrofilem dengan berkongsi dalam pembayaran harga negatif. Tidak berapa lama dahulu Universiti Kebangsaan telah mengelakkan satu consortium untuk memikrofilem satu kumpulan rekod di Public Record Office, London. Kumpulan rekod ini termasuklah Malacca Sessional Papers, Trengganu Sessional Papers dan sebagainya. Consortium telah diambil alih oleh SEAM-Southeast Asian Microforms (Mikroform Tenggara Asia) yang ditubuhkan oleh CORMOSEA-Committee on Research Materials on Southeast Asia (Jawatankuasa mengenai bahan-bahan penyelidikan mengenai Asia Tenggara, satu jawatankuasa Persatuan Pengajian Asia), dengan perjanjian bahawa SEAM akan mendapatkan harga salinan positif yang lebih murah.

---

(1) Datuk Alwi Jantan, The Problem of Acquiring microfilm copies of Archive Materials from abroad, kertas kerja yang dibentang di Seminar on Tropical Archivology yang disdakkan di Djakarta daripada 16-18 November 1969.

Sikap kurang sambutan dari negara-negara lebih maju kepada usaha-usaha negara-negara sedang membangun untuk mendapatkan bahan-bahan di Barat berla wanan dengan sikap terhadap cara-cara negara-negara lebih maju mengumpul bahan-bahan dari negara-negara sedang membangun. Dibawah adalah contoh bagaimana cekap dan sistematik apabila mengumpul bahan-bahan diwalaun ini.

(a) Pada bulan Mei 1966 pihak UNESCO telah menghantar ke-Malaysia satu Unit Mikrofilem Bergerak untuk menikrofilem bahan dengan perjanjian berikut-'UNESCO will provide, under resolution 13c/3 (d), the services of an expert for six months to microfilm the manuscripts and historical documents kept in Malaysia's archives and libraries'.<sup>(2)</sup> Bahan/salinan negatif baharu disimpan di Arkib dan Perpustakaan-perpustakaan berkenaan dan satu salinan positif disimpan di depositori yang dipilih oleh pihak UNESCO.

Negara-negara Barat seperti Great Britain dan Amerika Syarikat mempunyai banyak pengalaman dalam hal-hal pengumpulan bahan-bahan diluar negeri. Di Amerika Syarikat misalnya hal ini diberi keutamaan. Projek-projek ini termasuklah 'Cooperative Acquisitions Project for "artime Publications"; Farmington Plan; Public Law 480; Latin American Cooperative Acquisition Project(LACAP); Foreign Newspaper Microfilm Project; dan National Program for Acquisitions and Cataloguing(NPAC) yang mendapat perancang dan bantuan kewangan dari kerajaan melalui Akta Pengajian Tinggi tahun 1965. Cara-cara yang digunakan dalam perolehan amatlah cekap dan sistematik dan hasilnya ialah mendapat bahan-bahan secara menyeluruh.

(iii) Satu lagi masalah yang dihadapi oleh institusi-institusi ialah masalah untuk mendapatkan bahan sejarah Malaysia daripada Indonesia. Bahan-bahan manuskrip sukar sekali diperolehi kerana harga perolehan yang terlalu tinggi. Harga perolehan adalah dua kali ganda harga perolehan biasa. Ini disebabkan institusi berkenaan berkehendakkan satu salinan mikrofilem untuk simpanannya.

(2) Agreement between UNESCO AND THE Government of Malaysia under the Programme of participation in the Activities of Member States, May, 19

d. Cadangan-Cadangan:

Cadangan I: Kerja-karja SCOM harus dipesatkan lagi dan usaha SCOM mengadakansenarii induk seperti Masterlist of Southeast Asian Microforms harus mendapat sokongan dan galakkan dari semua pihak.

Cadangan II: Semua depositori-depositori dan perpustakaan akademik harus bersatu untuk menentukan keutamaan-keutamaan dalam dasar perolehan bahan dari luar negeri. Satu cara bagaimana lebih banyak lagi bahan boleh diperolehi ialah dengan menggunakan wang peruntukan untuk menyalin bahan-bahan asal dari pada membeli serentak salinan-salinan positif mikrofilem yang sama.

Cadangan III: Perpustakaan-perpustakaan akademik dan depositori-depositori patut menyokong dan mengambil tindakan kentas hal-hal yang berkaitan dengan pengeluaran senarii induk(union list) mengenai bahan-bahan sejarah diluar wilayah.

Cadangan IV: Institusi-institusi berkenaan di Malaysia patut mnohon dengan lebih tegas dan kerap supaya UNESCO membentuk Unit Mikrofilem Bergerak dengan tujuan untuk memikrofilem bahan-bahan sejarah mengenai wilayah ini yang ada didalam simpanan depositori-depositori dan prpustakaan-perpustakaan diluar wilayah Tenggara Asia.

---

RUJUKAN:

1. Akta Arkib Negara 1966.
2. Surat Pekeliling Am Bil.23 Tahun 1972-Pemeliharaan Rekod-rekod Kerajaan.
3. CORMOSEA Newsletter vol.5, No.2, No.3 Feb., May 1972
4. 'The Problem of Acquiring Microfilm Copies of Archive Materials from Abroad' oleh Datuk Alwi Jantan, Southeast Asian Archives Vol.4 July 1971
5. 'Southeast Asian Microforms-National, Regional and International Perspectives' oleh P.Lim Pui Huon-kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kedua Pustakawan-pustakawan Tenggara Asia di Universiti Filipina, 10-14 Disember, 1973
6. 'Developing a National Foreign Newspaper Microfilming Program' by John Y.Cole Library Resources & Technical Services Winter 1974 Vol.18, no.1.
7. Theodore Samore, Acquisition of Foreign Materials for U.S. Libraries. The Scarecrow Press, Inc. Metuchen, N.J. 1973
8. K.G.Tregonning, Malaysian Historical Sources, Department of History, University of Singapore, 1962.

SEMINAR SEJARAH MALAYSIA KE 2

anjuran

PERS' TUAN SEJARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN M' LAYSIA

PENULISAN SEJARAH MALAYSIA DARI SEGI POLITIK

- oleh -

James P. Ongkili

JABATAN SEJARAH

UNIVERSITI MALAYA

PENULISAN SEJARAH MALAYSIA DARI SEGI POLITIK

oleh

James P.Ongkili  
Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya

Di Asia Tenggara, penulisan sejarah sebagai satu disiplin atau pengajian ilmiah mula diberi perhatian berat dan makin luas hanya selepas Perang Dunia Kedua. Memang ada individu-individu yang cenderung menyusun tawarikh, menyimpulkan hikayat, atau menulis sejarah sejak awal-awal lagi; akan tetapi, pada keseluruhannya, mereka ini berminit terhadap sejarah sebagai kesukaan diri sendiri atau atas arahan singgahsana kerajaan tradisional dan bukanlah oleh sebab ada institusi-institusi tertentu yang teratur dan giat memperkembangkan pengajian sejarah bagi faedah masyarakat umum.

Perkembangan pengajian sejarah selaku satu disiplin akademik di Malaysia juga wujud hanya dizaman akhir yang masih berlanjut kini. Sesungguhnya institusi-institusi tertua atau lebih awal, seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar, Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim<sup>1</sup> dan Malayan Teachers' College, ada memberi kursus-kursus sejarah, penulisan sejarah sebagai pengajian akademik yang disorientasikan dengan pandangan falsafah perkembangan sebuah negara hanya dapat dikendali dengan sempurna apabila Universiti Malaya di Kuala Lumpur diasaskan dengan pengajaran dalam Fakulti Sastera pada tahun 1957. Di Sarawak dan Sabah, penulisan dan pengajaran sejarah lebih lagi lewat diperkenalkan, khususnya kerana pihak penjajah di dua negeri tersebut telah berjaya mempertahankan kedudukan mereka sehingga awal tahun 1960'an. Memang tepat bahawa selagi pihak penjajah itu berkuasa, kemungkinan satu sejarah yang menggambarkan kperibadian kebangsaan akan wujud adalah sangat tipis.

### Sejarah Politik; Asas dan Perkembangan

Pada umumnya, politik bermula sejak unit-unit kesultanan mula wujud di Semenanjung Tanah Melayu. Bentuk pemerintahan kesultanan-kesultanan ini telah dikaji agak mendalam.<sup>2</sup> Kejatuhan kewibawaan unit-unit politik lama ini kepada tangan penjajah British pula sudah menerima perhatian yang cukup luas.<sup>3</sup> Soal pihak penjajah memang berkaitan dengan sejarah politik, kerana disebabkan adanya rejim penjajah itulah maka bentuk pemerintahan di Malaysia makin lama bertambah terlibat atau dipengaruhi oleh unsur-unsur politik yang berdasarkan pada keperluan menyingkir pihak penjajah.

Jadi, dari satu sudut pandangan, penulisan sejarah Malaysia dari segi politik bermakna daya dan usaha mencari, menggumpul, memilih, dan memberi tafsiran atas sumber-sumber ilmiah yang ada pertalian dengan perkembangan politik dinegara tersebut. Elok pula difahamkan bahawa negara tersebut bererti bukan sahaja Semenanjung akan tetapi juga Sarawak dan Sabah. Sumber-sumber politik itu boleh diberi makna yang luas. Misalnya, ianya boleh jadi buku Sejarah Melayu; Tome Pires dengan Suma Oriental, Munshi Abdullah dengan Kisah Pelayaran Abdul-lah; Ishak bin Haji Muhammad dengan Putra Gunung Tahan; Rupert Emerson dengan Malaysia; A Study in Direct and Indirect Rule; karya-karya Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba); Tun Tan Cheng Lock dengan Malayan Problems from a Chinese Point View; Mahathir bin Mohamad dengan The Malay Dilemma; Democratic Action Party dengan Who Lives If Malaysia Dies ?; sejarah politik Sarawak dan Sabah dalam The Borneo Response to Malaysia, 1961-1963; National Operations Council dengan The May 13 Tragedy: A Report; atau Tun Abdul Razak dengan Strategy for Action. Secara langsung atau tidak, karya-karya ini boleh digunakan sebagai sumber penulisan sejarah politik Malaysia.<sup>4</sup> Tidak kurang nilainya, ialah

rekod-rekod resmi yang ada tersusun baik di Arkib Negara dan lain-lain perpustakaan atau kutubkhana-kutubkhana di pekan-pekan besar diseluruh negara. Dengan sumber-sumber ini, asas dan perkembangan politik Malaysia boleh ditafsirkan.

#### Biografi dan Sumber Lisan

Sebagaimana yang sudah disentuh awal tadi, sejarah politik itu dapat diketahui hanya apabila ketatuan siasah sebenarnya telah berjalan luas dan lanjut di sesuatu negara. Sedangkan sebuah negara itu mestilah wujud baharulah politik mudah kelihatan atau terbentang. Ini memperlihatkan suatu kemungkinan lain dalam penulisan sejarah dari segi politik. Siapakah itu memang lazim melibatkan individu-individu yang giat masuk dan berkecimpung dalam arena politik. Beberapa daripada mereka ini maju menjadi tokoh-tokoh negara yang terkenal. Padanya umumnya banyak yang hanya beriwayat hidup yang sederhana; akan tetapi, dari masa kemasa ada juga yang berjaya menonjol kehadapan dan bertuah menerima gelaran atau 'statesmen'. Tokoh-tokoh negara ini boleh dan sepatutnya menjadi bahan-bahan sejarah politik. Riwayat hidup mereka boleh mencerminkan aliran politik dalam sejarah Malaysia.

Pernah pemimpin-pemimpin kanan, seperti Ishak bin Haji Muhammad, Datuk Onn bin Jaafar, Tun Tan Cheng Lock, Datuk E.E.C.Thurusingham, Tengku Abdul Rahman, Chin Peng, Tun (dr.) Ismail bin Datuk Abdul Rahman, Tun V.T. Sambanthan, Tun Abdul Razak bin Hussein, Tun Tan Siew Sin, Datuk Harun, Tan Sri Muad, dan banyak lagi yang boleh disebut, masing-masing boleh memberi pandangan dan tanggapan politik negara. Biografi mereka memang boleh menambah kekayaan kepada penulisan sejarah Malaysia dari segi politik. Tambahan pula, banyak diantara mereka ada pengertian tentang sejarah, yang mereka gemari separuh kerana kepercayaan mereka yang riwayat hidup mereka itu boleh menjadi tauladan kepada

jenerasi sezaman dan yang akan datang dan separuh kerana keinginan mereka yang agak wajar menjadi sebahagian daripada kelengkapan sejarah negara mereka.

Di antara tokoh-tokoh Malaysia, ada yang masih hidup. Mereka ini sepatutnya didakungi dan ditemuduga seluas-luasnya atas pengalaman dan peranan mereka dalam perkembangan politik negara mereka. Wawancara-wawancara yang mengandungi buah fikiran dan amalan-amalan atau sorba persaingan politik yang mereka telah nikmati boloh menjadi sumber-sumber lisan yang penting dan kadangkala sungguh berpengaruh bagi penasejarah-penasejarah politik Malaysia.

#### Institusi-Institusi Politik

Pengajian sejarah politik seharusnya melibatkan bukan sahaja sumber-sumber tertulis, karya-karya intelektuil politik, dan biografi tokoh-tokoh negara, akan tetapi juga institusi-institusi yang telah wujud dewasa berlanjutnya sejarah sesuatu negara itu. Politik itu selalu berasal daripada konsep dan kecenderungan orang-orang yang politis, maupun sebagai pemikir yang duduk tenang mempersoalkan konsepnya, seperti Thomas Jefferson, Karl Marx, Mahatma Gandhi dan Bertrand Russell atau terus bergolek dalam gelanggang politik seperti kebanyakan tokoh siasah di dunia.

Namun demikian, lambat-launnya, warisan perkembangan politik di sesuatu negara itu terdapat dalam institusi-institusi yang ditegakkan atau digubah oleh masyarakat yang empunya negara itu. Di Malaysia, institusi-institusi warisan politik itu jelas kelihatan apabila ditinjau bentuk Parlimen dan Majlis-Majlis Undangan Negeri, jabatan-jabatan dan lain-lain badan pentadbiran negara dan negeri, mahkamah-mahkamah, angkatan tentara dan polis negara yang ditugaskan untuk mempertahankan keselamatan dan keamanan negara, serta dasar hubungan Malaysia dengan negara-negara lain di dunia.

Tugas, mesyuarat-mesyuarat, perkhidmatan, surat-menyerat, pertukaran pendapat, rumusan-rumusan, malahan portalian tidak resmi, di kalangan institusi-institusi ini justru memberi gambaran luas dan dokumen-dokumen jelas mengenai masalah-masalah dan kejayaan dalam merintah negara, sambil memperlihatkan serta melibatkan hancrat dan ko-hendak-kehendak rakyat jelata dalam pembinaan suatu negara itu. Pendek kata, institusi-institusi kerajaan dan awam boleh memberi nilai tinggi kepada penulisan sejarah dari segi politik.

Sayugia diingati pula, bahawa parti-parti politik-walaupun yang bernasib nonang dan menjadi parti paucirintah atau pihak pembangkang adakalanya mempunyai rekod-rekod perjuangan mereka; dan ini elok juga dihiraukan sebagai sumber yang boloh dipetik dari pejabat-pejabat besar parti-parti itu. Sebagai institusi-institusi bersendirian dan membela konsep masing-masing tentang kerogaranan, parti-parti politik tidak dapat diolakkan; dan untuk ahli-ahli sejarah siasah, institusi-institusi sedemikian rupa menjadi seolah-olah mata air pada pengajian mereka: pasang-surutnya sunsana siasah yang diakibatkan oleh perjuangan parti-parti politik dalam sesuatu negara, sepatutnya terbuku dalam penulisan sejarah dari segi politik.

#### Penulisan Semula Sejarah Politik Malaysia

Di Asia Tenggara pada umumnya, penulisan semula sejarah negara telah berjalan dengan pesatnya sejak Perang Dunia Kedua. Di Malaysia, penulisan semula ini juga sudah lama dialu-alukan, tetapi hasil konkret yang telah tercapai sejak hujah-hujah penulisan seperti itu dibuat masih sangat terhad. Antara lain, penulisan semula sejarah politik di Malaysia belum kelihatan di kalangan penulis-penulis tempatan

Yang biasa kita terbaca ialah tulisan orang-orang asing seperti L.A.Mills,British Malaya, 1824-1867; Harry Miller,The Story of Malaysia; B.Simandjuntak,Malayan Federalism, 1945-1963; R.S.Milne, Government and Politics in Malaysia; R.K.Vasil,Politics in a Plural Society; dan G.P.Means,Malaysian Politics. Semua ini memang ada sumbangan masing-masing terhadap pertumbuhan pengertian politik di Malaysia. Akan tetapi, pada keseluruhannya, sumbangan itu tertakluk kepada pengalaman asing atau luar biasa yang selalu mensifatkan suasana siasah di Malaysia seolah-olah ianya sejajar dan serupa dengan politik di Britain atau Amerika Syarikat.

Memang sudah ada sebilangan kecil penulis-penulis tempatan yang mula memberi pandangan serius terhadap perkembangan dan serba haluan politik di Malaysia. Misalan yang boloh disebut ialah penulis-penulis dalam Wang Gungwu(penyunting),Malaysia - A Survey; K.J.Ratnam,Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaysia; James P.Ongkili, Modernization in East Malaysia, 1960-1970; dan Mohamed Noordin Soppee, From Malayan to Singapore Separation. Akan tetapi, sebenarnya, ini adalah usaha-usaha perintis dalam suatu bidang pengajian yang jelas kelebihan boleh dan perlu sangat dilanjutkan dengan seluas-luasnya lagi.

Pandangan dan buahfikiran-buahfikiran penulis-penulis tempatan di Malaysia tidak syak lagi selalu berbeza daripada kacamata pemerhati-pemerhati luar yang ingin meninjau keadaan & lam ilmiah di negara itu. Penulis-penulis tempatan lebih terlibat dalam kekecawaan, rintihan jiwa, kejayaan dan kemungkinan negara mereka. Sungguhpun dari masa ke masa hasrat dan pondapat mereka itu berat sebelah atau tidak terserai daripada keutamaan-keutamaan istimewa negara mereka, ini tidak sama sekali mudah mengurangkan kelayakan pasti yang ada pada mereka, bahawa mereka kian menyandang bebanan dan tanggungjawab yang lebih berat terhadap penulisan dan pengertian sejach negara mereka dari-

pada pemerhati-pemerhati asing yang, tanpa tanggungjawab sedemikian rupa, menulis sesuka mereka tentang Malaysia. Dalam konteks inilah, maka penulis-penulis tempatan sepatutnya lebih berusaha lagi mengurangkan pendapat-pendapat mereka terhadap siasah dan masa depan negara mereka. Andai kata penjelmaan ini menjadi suratan, maka kita tidak perlu lagi merojok kepada tulisan-tulisan - dan kacamata serta gambaran - para intelek asing yang terpaksa kita menyandari sehingga kini.

Pada unggulnya, penulisan semula sejarah politik Malaysia, di Semenanjung, Sarawak dan Sabah, harus dijalankan dengan lebih giat dan luas lagi. Pandangan dan tanggapan bantut yang mengkiaskan sejarah politik Malaysia semata-mata sebagai pusaka bulat yang diwariskan oleh penjajah British itu harus dikikis, dismek semula, dan diberi pengertian yang lebih menesabah oleh penulis-penulis tempatan dengan montafsir dan membantarkan isi sejarah politik orang Malaysia yang sebenarnya dari awal hingga zaman sekarang.

#### Politik dan Nasionalisme Malaysia

Nasionalisme adalah hasrat di kalangan sesuatu masyarakat yang merasa dan percaya bahawa mereka hidup sebagai segolongan manusia yang banyak perbezaan daripada manusia yang hidup di negara-negara lain di dunia. Sebagai suatu masyarakat tersendiri, warganegara di suatu negara itu mengamalkan sistem politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan yang istimewa bagi mereka. Tambahan pula, politik di sesuatu negara itu hanya membangun atau berkemungkinan akan tereomai di kalangan rakyat jelata apabila hasrat nasionalis telah berlanjutan merosak ke sanubari rakyat tersebut.

Dalam critikata yang lain, politik Malaysia adalah hasil daripada perkembangan nasionalisme di Malaysia; dan sejarah politik Malaysia itu adalah bentuk keperibadian negara yang telah diukir dan

digalurkan oleh perjuangan tokoh-tokoh Malaysia dalam usaha nasionalis mereka untuk mencapai komerdekaan bagi negara dan masyarakat mereka.

Jadi, dari satu pendirian yang tegas, penulisan sejarah Malaysia dari segi politik itu bererti penulisan sejarah pergerakan nasionalisme di Malaysia. Bagaimanakah nasionalisme Malaysia itu muncul dan berkembang? Apakah aspek-aspek utama dalam perkembangan nasionalisme itu? Dan apakah bentuk keperibadian yang terdapat dari pada pengalaman nasionalisme Malaysia itu? Soalan-soalan ini hanya dapat dijawab dengan seujarnya kalau kita tinjau bukan sahaja sejarah Malaysia dari segi politik akan tetapi juga dari segi ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Misalnya, bentuk politik di Malaysia itu dipengaruhi secara oleh faktor perkauman dalam suatu negara yang mengandungi warisan negara yang berasal dari beberapa kaum dan corak kebudayaan. Pergaulan, ganding-bahu, persinggan, dan penjelmaan bersama di kalangan rakyat berbilang bangsa dan kebudayaan ini jelas telah mewujudkan suatu bentuk politik yang, kebiasaannya, mendorong kerjasama antara-kaum atau campuran-kaum demi mendapat sokongan seluas-luasnya dan mengelakkan keananan dalam negara.

Demikian pula, sistem perlombagaan Malaysia mencerminkan kohondak-kohondak, porstiaan, dan hasil daripada sikap telak-ansur di kalangan rakyat Malaysia. Perlombagaan Malaysia mengandungi banyak faktur utama perkembangan nasionalisme dan politik negara itu. Di samping itu, perkaitan sejarah politik dengan sejarah ekonomi kelihatan dalam provisi-provisi yang membolhkan orang Melayu dan lain-lain bumiputra yang masih kurang pendapatan dan peranan dalam ekonomi negara mereka meningkat peluang meninggikan taraf hidup mereka dengan cara yang agak mudah dan kemudahan-kemudahan yang agak terdedah pada mereka daripada kaum-kaum bukan Melayu atau bumiputra. Semuanya ini

adalah pati penting dalam sejarah politik Malaysia.

Rumusan

Penulisan sejarah Malaysia dari segi politik adalah suatu usaha akademik yang baharu muncul dan mula menerima perhatian ahli-ahli sejarah. Karya-karya tertua, termasuklah buku-buku lama yang mengandungi atau menggalurkan permulaan politik di Malaysia harus dikaji dengan lebih teliti dan digunakan lebih luas dalam bidang penulisan sejarah siasah Malaysia.

Biografi tokoh-tokoh negara yang laju dan sekarang sepatutnya ditulis; dan sumber-sumber lisan, iaitu wawancara, cekak didapati dari pada pemimpin-pemimpin negara yang masih hidup.

Institusi-institusi politik, di peringkat persekutuan dan negeri, patut dihubungi untuk mendapatkan sumber-sumber resmi yang bernilai bagi menulis sejarah politik Malaysia.

Rekod-rekod perjuangan dan aliran-aliran edcoloji yang ada pada parti-parti politik di Malaysia perlu disimpulkan dalam memperlihatkan perkembangan sistem siasah di negara itu.

Sejarah politik di Malaysia yang ditulis oleh pakar-pakar tempatan masih kurang, dan sepatutnya ditambah dengan karya-karya baharu yang akan memberi pengertian lebih luas dan menesabah bagi masyarakat Malaysia khasnya dan dunia umum amnya.

Politik di Malaysia adalah hasil daripada perkembangan nasionalisme di Malaysia. Penyelidikan nasionalisme di Malaysia akan membawa fahaman yang lebih luas dan mendalam tentang sejarah politik di Malaysia.

Rumusan-rumusan diatas, bersama-sama dengan amalan Perlembagaan Malaysia yang mengkanunkan kohendak-khondak, hasrat tolak-ansur, cita-cita dan persectian masyarakat Malaysia, diharap akan membawa kepada pengertian yang lebih saksama dalam usaha mewujudkan kepribadian dan perpaduan kebangsaan Malaysia menerusi sejarah.

Lembah Pantai

Ogos 1974

Nota-nota

1. Lihat Awang Had bin Salleh, 'Malay Teacher Training in British Malaya (1878-1941); A General Survey', tesis B.Ed. (Post Graduate) tanpa terbitan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.
2. Lihat J.M. Gullick, Sistem Politik Duminutera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970; dan Khoo Kay Kim, The Western Malay States, 1850-1873, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
3. Lihat L.A. Mills, British Malaya, 1824-1867, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966; G.M. Turnbull, The Straits Settlements, 1826-67, University of London Press, London, 1972; N. Turling, British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969; C.W. Parkinson, British Intervention in Malaya 1867-1877, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964; C.D. Cowan, Nineteenth Century Malaya, Oxford University Press, London, 1961; E. Sadka, The Protected Malay States, 1874-1895, University of Malaya Press, Singapura, 1968; E. Thio, British Policy in the Malay Peninsula, 1880-1910, University of Malaya Press, Singapore, 1969; R. Payne, The White Rajahs of Sarawak, Robert Hale, London, 1960; dan K.G. Tregonning, A History of Modern Sabah, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1965.
4. Semua karya yang terkenal ini, kecuali buku Mahathir bin Mohamed yang masih diharamkan di Malaysia sungguhpun beliau kini seorang Senator Kerajaan, mudah didapati dari kedai-kedai atau perpustakaan-perpustakaan yang agak lengkap di Malaysia.

3

SEMINAR SEJARAH MALAYSIA KE II

PENULISAN BUKU-BUKU TEKS SEJARAH  
MALAYSIA

Oleh

MUZAFFAR TATE  
Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim  
Jitra, Kedah.

Terikh: 6hb. Ogos 1974  
Masa : 2.15 petang.

Mula-mula saya membaca tajuk kertas kerja yang saya kena sediskan, iaitu "Penulisen buku-buku teks sejarah Malaysia" didalam konteks tems seminar ini - iaitu "Pengumpulan bahan-bahan dan penulisen semula Sejarah Malaysia" - timbulah perasaan keliru. Seminar ini ialah seminr sejarah berkesiten dengan soal penulisan sejarah yang dihadiri pakar-pakar sejarah; sebaliknya saya ini adalah seorang penulis buku-buku ~~thks~~ sejarah dan sungguhpun saya mengakui diri sebagai seorang peminat sejarah, akan tetapi saya tidak menganggap diri saya sendiri sebagai seorang pakar sejarah ataupun sebagai seorang sejarawan. Saya katademikian bukan cuma untuk merendahkan diri, tapi oleh kerana rasa saya fungsi seorang penulis buku-buku teks jauh berza dengan fungsi seorang sejarawan ataupun penulis buku sejarah. Untuk menjelaskan maksud saya dalam hal ini, sekarang saya akan cuba memberi tafsiran saya tentang ertiinya 'sejarah', 'sejarawan' ataupun 'penulis sejarah' dan 'penulis buku-buku teks'. Yang pertama: 'sejarah'. Walaupun 'sejarah' boleh difiksirkan dari berbagai segi, saya rasa kita semua setuju sekiranya sejarah dianggap sebagai suatu ilmu pengentahuan yang berkaitan dan dengan perbuatan dan kegiatan manusia pada masa lampau. Sebagai ilmu pengentahuan, ilmu sejarah mempunyai beberapa sifat yang tertentu termasuk menyelidik sesuatu yang tidak diketahui dan menarik kesimpilan berdasarkan diatas bukti-bukti yang telah diterima. Apalagi semua kesimpulan yang dibuat itu ialah tafsiran sahaja yang tidak tetap dan boleh berubah akibat penyelidikan dan bukti yang baharu.

Seorang sejarawan (Historian) ataupun penulis sejarah ialah seorang penyelidik yang bersikap saintis; hasil penyelidikannya menjadi bahan penulisannya.

Sebaliknya seorang penulis buku-buku ~~thks~~ tidak boleh disifatkan sebagai seorang penyelidik; biasanya dia mengumpulkan bahan-bahan hasil penyelidikan pakar-pakar sejarah untuk menyampaikannya dengan tujuan tertentu ( iaitu terpandu oleh sukanan pelajaran dan sebagainya) pada golongan-golongan tertentu, seperti pelajar-pelajar sekolah.

Dalam lain perkataan fungsi seorang penulis sejarah lain daripada fungsi seorang penulis buku teks sejarah: fungsi seorang penulis sejarah ialah menambahkan pengentahuan kita didalam bidang sejarah; fungsi seorang penulis buku teks itu ieloh menyampaikan pengetahuan itu kepada orang ramai.

Sekarang sekiranya kita merojik semula kepada simpanan ini, saya bersetuju dengan thema dan implikasi themanya bahawa sejarah Malaysia kena diulangkaji dan ditulis semula. Saya bersetuju bukan oleh kerana sudah sempai masanya kita membungang kacamat orang Barat dan memasang kacamat orang Malaysia sendiri untuk membacaan sejarah kita ataupun oleh kerana selepas keluar dari zaman penjajahan dan memasuki ke zaman kemerdekaan kita perlu mengkaji sejarah kita semula daripada segi kepentingan kebangsaan dan masyarakat kita - sungguhpun hakikat ini tidak dapat dinafikan - akan tetapi oleh kerana didalam sejarah tidak didapati apa-apa kesimpulan atau pandangan yang tetap atau muktamad - konsep-konsep sensitif berubah selaras dengan perubahan didalam kedudukan kita sendiri, walaupun dari segi politik, ekonomi ataupun pengentahuan. 'History is what one generation thinks of another' - dan sejarah harus dianggap sebagai susut proses tafsiran yang tidak dapat dihabiskan. Konsep sejarah tidak boleh dipisahkan daripada konsep perubahan - oleh itu semestinya sejarah Malaysia ditulis semula: kalau tidak, nampaknya ilmu sejarah tidak hidup lagi didalam negeri ini.

Dalam hal yang demikian, sekiranya sejarah Malaysia sedang ditulis semula, nyatah buku-buku teks kene ditulis semula juga; untuk saya, saya tidak nampak apa-aps halangan didalam hal penulisan semula itu. Isi kandungan lama kena digantikan dengan bahan-bahan baharu. Kalau dahulu penulis-penulis buku-buku teks dikehendaki memeringankan peranan pegawai-pegaui British didalam pembentukan negeri ini, kini mereka perlu menumpukan perhatian kepada peranan yang telah dipermainkan oleh orang tempatan; kalau dahulu buku-buku teks terisi dengan peristiwa-peristiwa politik seheje, sekarang dikehendaki bahan-berdasarkan diatas kajian ekonomi atau sosial.

Cuma kita perlu penulis-pehulis buku-buku teks yang tahu-menshu tentang segi-segi baharu ini dan saya percaya ada ramai siswazah-siswazah universiti-universiti kita yang dapat memenuhi keperluan ini.

Akan tetapi jika sekiranya difikirken bahawa dengan menggantikan bahan-bahan lama dengan bahan-bahan baharu didalam buku teks kita, mesalah berkaitan dengan penulisan buku-buku teks sejarah Malaysia telah selesai, saya tidak bersetuju langsung. Masalah utama yang dihadapai dalam penulisan buku-buku teks sejarah Malaysia sebenarnya tidaklah bersangkut paut semata-mata dengan isi kendungen yang mudah boleh dipindah. Masalah utama itu terletak didalam cara penulis-penulis buku-buku teks kita memandang dan menyampaikan konsep sejarah sendiri didalam tulisan mereka. Kritik yang selalu diberikan diatas buku-buku teks sejarah Malaysia kita sekarang ialah bahawa sejarah negri kita merupakan lanjutan sejarah Eropah atau bahagian sejarah Empire British dengan peranan orang British sendiri terlelu dikemukakan sambil sumbangan-sumbangan orang kita diketepikan. Pendek kata, buku-buku teks masih berbudi pejelas dan bahan ini perlu dihapuskan dan digantikan dengan wangi kebangsaan. Tetapi pertukaran ini tidak akan mengatasi masalah utama didalam penulisan buku-buku teks sejarah Malaysia - iaitu cara penyampaian bahan baharu. Iberatken sebuah buku teks sebagai satu senjata; senjata kita itu fesyen lama, tidak menarik lagi; kita gantikannya dengan satu senjata baharu yang cantik dan berkesan. Tetapi sekiranya kita sendiri tidak pandai menembak, senjata itu - lama atau baharu - tidak berguna pulak.

Jadi saya mengulangi - soal utama yang kita hadapi didalam penulisan buku-buku teks sejarah Malaysia terletak dalam cara menyampaikan bahan-bahan itu, bukanlah dalam hal bahan-bahan itu sendiri. Ini merupakan suatu masalah teknik yang tidak meliputi fungsi seorang pakar sejarah ataupun penulis sejarah sendiri. Walaupun begaimenapun egaknya masalah ini melibatkan semua pakar dan peminat sejarah daripada segi tujuannya dan gunanya buku-buku teks, khasnya dalam konteks buku-buku teks sejarah Malaysia, sebagai alat untuk memperluaskan konsep sejarah di sekolah-sekolah kita.

Akan tetapi sebelum kita membincangkan masalah teknik penulis-renulis buku-buku teks, perlulah kita sebagai pakar atau peminat sejarah menentukan apakah tujuan-tujuannya sejarah dipelajari di peringkat sekolah ?. Untuk saya kelihatan tiga tujuan utama - yang pertama; supaya memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar kita tentang nusa dan bangsa, tentang latar-belakang mereka, dan tentang kedudukan mereka didalam dunia; yang kedua - supaya menolong pelajar-pelajar kita memahami dunia ini sekarang, memahami soal-soal besar didalam masyarakat dan politik kita yang dihadapi oleh kita semua; yang ketiga - supaya memberi pahaman dan perangsang kepada pelajar-pelajar kita tentang konsep sejarah sendiri, sebagai latihan didalam berfikir dengan matang, serta mendapatkan pandangan yang seimbang dan mudah-mudahan sebagai cara menarik suatu golongan dari mereka menjadi pakar sejarah sendiri. Tujuan pertama boleh dianggap bukanlah terus berkeitan dengan sejarah sendiri sebagai suatu ilmu pengenthusian, cuma sebagai hasil ilmu itu; selain daripada itu tujuan ini bissanya terlibat didalam pengajaran sejarah diperingkat-peringkat sekolah menengah rendah dan sekolah rendah. Baharulah dengan Tingkatan Empat dapat kita mulakan pengajaran sejarah yang sebenarnya. Baharul diperingkat ini dapatlah pelajar-pelajar kita mengkaji asal usul peristiwa yang tertentu, membincangkan sebab-sebab dan faktor-faktor yang terlibat didalam perbuatan manusia dan mula-mula mendapatkan bayangan bahawa tidak ada suatu pendangan atau ketetapan yang mutlakad. Proses ini harus diperluaskan diperingkat Tingkatan Enam. Disitu - Insyaallah - pelajar-pelajar kita, melalui kajian sejarah mereka - dapat memahami bahawa didalam dunia ini bukanlah semua hitam putih, dapat menguasai cara membuat penilaian sendiri dengan mengosิงkan pelbagai bukti dan pandangan yang dikemukakan kepada mereka, dan yang penting sekali mencapai kesedaran tentang betapa pentingnya mereka menyelidiki sesuatu tanpa berat sebelah.

Dalam konteks ini sudah jelas bahawa peranan utama petut dimainkan oleh guru sejarah sendiri dan buku teks itu merupakan cuma suatu alat yang akan membantu guru didalam usaha-usahanya itu.

Tambahan pula nyatakan memandang kepada tujuan-tujuan yang kita tentukan tadi bahawa buku teks sebagai alat untuk pengajaran sangat terhad gunanya dan kelau disalah-gunakan akan terus menghalang pencapaian tujuan-tujuan itu. Dengan sendirinya buku-buku teks tidak boleh mencerminkan hasil penyelidikan baharu ataupun konsep-konsep dan tiori-tiori baharu diantara golongan pakar-pakar sejarah. 'Textbooks always describe not what is being thought by real live historians,' menurut Collingwood,(i) 'but what was thought by real live historians at some time and the past when the raw material was being created out of which the textbook has been put together.' Missnya kini mungkin didapati perbezaan diantara pengertahanan dan fahaman pakar-pakar sejarah berkenaan dengan perkembangan umama Islam di Kepulauan Asia Tenggara dan apa yang didapati tercatit didalam buku-buku teks dalam lain perkataan buku-buku teks pada keseluruhannya tidak boleh dianggap tepat didalam maklumat atau gambaran yang termanteng dalam titik Hal ini tidak menjadi halangan sekiranya si penulis buku-buku ini dapat menunjukkan bahawa butir-butir dan pendangan-pendangan yang diberikannya tidaklah mutlak dan sosinya tidaklah tertutup. Tetapi kita semua di sekolah adalah terkonkong oleh 'The illusion of finality.' (Collingwood) Sebeik saje kita membaca sesuatu terkandung didalam buku, rasanya sudah jelas, netul dan tidak dapat dihafikan lagi. Apa lagi semua penulis buku teks terbatas oleh kepentingan penerbitan dan pencetakan - terutamanya sekali oleh kerana hal harga buku itu dan sebagainya.

Oleh itu penulis<sup>penulis</sup> buku-buku teks terpaksa memadatkan sebanyak yang boleh didalam beberapa muka-surat yang tertentu yang harus terlalu sedikit untuk membierkan mereka membentangkan sesuatu perihal dengan cara yang mencukupi atau pun memuaskan. Akibatnya, seperti telah diterangkan oleh Dr Philip Loh didalam kertas kerjanya bertajuk 'Writing and Teaching modern Malaysian History - Potential for Inquiry' untuk seminar sejarah Malaysia, anjuran Universiti Malaya, tahun 1971,(ii) buku-buku teks itu kita mementingkan apa yang sudah terjadi, bukan

- 
- i) R.G.Collingwood, The Idea of History, O.U.P., London, 1961, ms. 7-
  - ii) Seminar Sejarah Malaysia, Perstesen Sejarah Universiti Malaya, Weng Fatt Press, Kuala Lumpur, 1971, ms. 1-2.

sebab-sebab dibelokang kejadian itu, dan kesimpulan-kesimpulan ditawarkan sebagai keputusan muktamad, bukan sebagai bahan untuk perbincangan. Dari pada semua ini sudah jelas batasan kekurangan yang dihadapi didalam penulisan buku-buku teks sejarah Malaysia. Setengah dari pada Halangan ini tidak dapat dielekkan oleh sebab faktor-faktor ekonomi dan lain-lain yang terletak diluar daripada kuasa kita; akan tetapi beberapa kekurangan tertentu harus boleh diatasi dan perlu diatasi sekiranya peluang untuk perkembangan kajian sejarah negeri kita yang terbuka dengan penulisan semula sejarah itu diperingkat universiti tidak akan ketinggalan oleh pelajar-pelajar kita. Oleh itu saya ingin sekarang membuat beberapa syar yang mungkin boleh menjadi panduan didalam usaha kita meningkatkan mutu buku-buku teks kita pada masa hadapan: terlebih dahulu dalam penulisan buku-buku teks dua pekara ~~ses~~ patut diingati oleh penulis-penulis yang berkenaan: (1) Tujuan kita menanamkan semangat 'ingin tahu' - the spirit of inquiry - didalam hati pelajar-pelajar kita; (2) Tujuan kita mengaitkan hal ehwal dan kedudukan negeri kita hari ini dengan latar-belekangnya didalam sejarah.

Untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut penulis-penulis mestilah memperhatikan perbincangan berkaitan dengan faktor-faktor disebalik sesuatu kejadian lebih daripada memperihalkan kejadian itu; dan dalam perbincangan itu mengemukakan semua alasan dan kemungkinan tanpa memberi keputusan yang nampaknya muktamad. Disamping itu perkara-perkara yang bersabit dengan soal-soal hari ini patut diutamakan. Apa lagi cok sekiranya cara membentangkan sejarah menurut tarikh-tarikh digantikan dengan menggunakan thema-thema tertentu. Agaknya ini senang dibuat dengan thema-thema sosial dan ekonomi yang harus menjadi tajuk didalam sukanan pelajaran baharu berikut dengan penulisan semula sejarah Malaysia - tajuk-tajuk seperti perkembangan perlombongan bijih timah, munculnya bandar-bandar, kesedaran kaum boroh dalam abad yang ke 19, kemajuan perkhidmatan kesihatan, dan sebagainya. Akan tetapi sistem yang sama boleh digunakan didalam bidang politik juga - miselnya, perkembangan konsep 'federalism', masalah kerekystan, kesannya perdagangan diatas politik semenanjung, dan lain-lain.


dan lain-lain. Penulis-penulis buku-buku teks sejarah patut menunjukkan juga buku-buku seumpamanya yang menjadikan bacaan lanjut kepada tajuk-tajuk yang telah dibincangkan.

Ini merupakan tandakan-tandakan tertentu yang boleh diambil oleh penulis-penulis buku-buku teks sendiri. Akan tetapi, seperti saya katakan tadi, masalah yang dihadapi didalam usaha menulis buku-buku teks yang lebih sesui dengan kepentingan sejarah adalah bersifat juga dengan hal lain yang wujud diluar daripada kuasa si penulis itu. Salah satu daripada hal ini ialah berkaitan dengan sukatan pelajaran sejarah sendiri. Sebagai termaklum semua mata pelajaran yang diajari di sekolah-sekolah kita tertekluk kepada sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. Mungkin didalam keadaan yang didapati di negeri ini, hal yang demikian tidak dapat dielekkan, tetapi sekiranya kita dengan bersungguh-sungguh ingin menaiki taraf penulisan buku-buku teks sejarah Malaysia kita, kita mesti bebaskan diri kita daripada ikatan-ikatan sukatan pelajaran dan peperiksaan-peperiksaan. Menwujudkan konsep 'belajar untuk belajar' dan bukan belajar untuk lulus peperiksaan, menimbulkan minat kecenderungan terhadap suatu ilmu tertentu seperti sejarah psych dilakukan didalam suasana dimana kita semua terkonkong oleh perlunya mencapai kelulusan seratus persen didalam peperiksaan. Hal ini bermakna bahawa penulis-penulis buku-buku teks tidak digalakkan langsung keluar daripada lingkungan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan itu. Pihak syarikat penerbit tidak akan melayan penulis-penulis yang ingin memasukkan bahan-bahan yang tidak terkandung didalam sukatan pelajaran, guru-guru didarablik darjah harus tidak mengajar bahan-bahan tambahan, dan pelajar-pelajar sendiri tidak akan menghiraukan apa-apa yang tidak bersangkutan dengan sukatan pelajaran tersebut. Setiap pihak - penerbit, guru dan pelajar - masing-masing mempunyai kepentingan tersendiri. Saya tidak ingin menyalahkan pihak Kementerian Pelajaran berkensan dengan keadaan oleh kerana keadaan ini berpunca dari banyak faktor yang tidak boleh kuasai oleh Kementerian sendiri. Tetapi sudah tentu bahawa sehingga

keadaan ini berubah dan membolehkan kita menwujudkan suatu sistem pelajaran dimana peperiksaan dan sukatan pelajaran tidak menguasai semua, susahlah mengatasi masalah yang ada ini.

Walau bagaimanapun sekiranya mereka yang akan menulis buku-buku teks sejarah Malaysia yang baharu berdasarkan distas kajian semula sejarah negeri kita dapat menentukan kepentingan sejarah dengan lebih jelas didalam penulisan mereka, saya yakin mutu buku-buku teks akan bertambah baik. Disamping itu saya percaya terdapat ramai siswazah-siswazah yang berbakat di universiti-universiti dan sekolah-sekolah kita yang akan menunaikan harapan kita ini.

SEKIAN




4

SEMINAR SEJARAH MALAYSIA KE 2  
anjuran  
persatuan sejarah universiti kebangsaan malaysia

penulisan sejarah ekonomi malaysia  
satu tinjauan awal  
- oleh -  
Mohamad Amin Bin Hassan

JABATAN SEJARAH  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



PENULISAN SEJARAH EKONOMI MALAYSIA:  
SUATU TINJAUAN AWAL

Oleh

Mohamed Amin bin Hassan  
Jabatan Sejarah  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sejarah ekonomi adalah suatu bidang yang baharu sahaja diperkenalkan di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Oleh itu cloklah sekiranya saya mulakan kertaskerja ini dengan memberikan sedikit definisi mengenai **SEJARAH EKONOMI.**<sup>1</sup>

Apakah dia Sejarah Ekonomi?

Bidang pengkajian sejarah ekonomi, pada umumnya, adalah tertumpu kepada ekonomi manusia di zaman silam; ia merupakan suatu bidang yang mementingkan pencapaian sesuatu bentuk ekonomi zaman lampau. Sejarah ekonomi menitikberatkan berbagai-bagai perkara dan minat yang sangat luat, antaranya ialah perkembangan, kegenangan dan kemerosotan sesuatu ekonomi; keadaan hidup tiap-tiap kumpulan di dalam sesuatu bentuk ekonomi semasa berlakunya perubahan di dalam ekonomi itu sendiri; dan perkaitan yang rapat di antara organisasi dan pencapaian sesuatu ekonomi itu. Dalam hal yang kemudian ini, ianya tentulah akan memontangkan struktur institusi sesuatu

1. Definisi ini diambil dari, Edwin R.A.Seligman (ed.). Encyclopaedia of the Social Science, New York, 1967, ms. 468.

masyarakat itu sendiri. Oleh yang demikian sejarah ekonomi selalu sahaja memasuki bidang-bidang sejarah sosial dan sejarah politik.

Perkara-perkara yang diutamakan oleh sejarah ekonomi dapatlah digulungkan ke dalam dua kategori yang besar. Pertama, ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan perkembangan atau kegenangan atau kemerosotan sesuatu bentuk ekonomi menurusi suatu peredaran masa. Keduanya ialah perkara yang bersangkutan dengan pembahagian pendapatan di dalam sesuatu ekonomi semasa ianya sedang berkembang atau merosot. Kategori kedua ini pula akan merangkumi segala perkara yang berkaitan dengan keadaan kesejateraan berbagai-bagai kumpulan masyarakat semasa perubahan ekonomi itu berlaku di zaman lampau.

Ciri istimewa yang membezakan sejarah ekonomi daripada disiplin ekonomi sendiri ialah sejarah ekonomi memberi pengkhususan dan tumpuan yang jitu terhadap masaalah ekonomi zaman lampau, dan bukannya kepada masaalah ekonomi dewasa ini. Sejarah ekonomi pula berbeza daripada bidang penyelidikan sejarah dengan tiga cara. Pertama, kerana ia mengentingkan aspek-aspek ekonomi masyarakat zaman silam. Kedua, kerana ianya selalu menggunakan dengan cara sistematik suatu bentuk teori bagi mendapatkan kesimpulan-kesimpulan umum. Dan ketiga, kerana ianya menggunakan cara-cara pengesahan kuantiti/bilangan dalam penyusunan bukti-buktinya.

Dari definisi yang ringkas ini dapatlah dikatakan bahawa objekt utama sejarah ekonomi ialah mencari jalan untuk memahami cara sesuatu

bentuk ekonomi itu telah dilakukan, ataupun mengetahui bagaimanakah keadaan kesejahteraan orang-orang di dalam sesuatu masyarakat itu dipengaruhi oleh peristiwa/finomena ekonomi. Sebagai contohnya, kita ambil kejadian perang sebagai suatu peristiwa sejarah. Penuntut dan ahli sejarah ekonomi tidak akan mementingkan perkara samaada perang itu patut berlaku atau tidak. Masalah ini akan dibiarkan untuk diselesaikan oleh ahli falsafah moral atau ahli sejarah politik. Di sebaliknya apa yang dipentingkan oleh sejarah ekonomi ialah akibat dan kesan ekonomi yang disebabkan oleh berlakunya perang itu. Sejarah ekonomi akan mementingkan kos/belanja perang itu dan tindakan dan yang diambil bagi mendapatkan wang kos perang itu. Sejarah ekonomi juga akan mengkaji kesan yang diakibatkan oleh tindakan dan langkah itu keatas harga barang-barang, gaji dan upah, harta benda, cukai, kredit dan perhubungan di antara kelas atau kaum - ini bermakna bahawa sejarah ekonomi akan mengkaji segala perkara dan keadaan yang menentukan kecordasan, kestabilan dan kemajuan masyarakat-masyarakat.<sup>2</sup>

Latarbelakang Kepada Perkembangan Sejarah Ekonomi:

Sebagai suatu disiplin tersendiri , sejarah ekonomi hanya mulia diakui dan diterima sebagai suatu bidang pengajian di akhir kurun ke 19. Pada tahun 1892 baharulah Universiti Harvard melantik seorang sarjana Inggeris, William J.Ashley, sebagai Professor Sejarah Ekonomi - suatu perlantikan

2. R.H.Tawney (ed.), Studies in Economic History: The Collected Papers of George Unwin, London, 1966, m.s.8.

yang pertama sekali dilakukan dimana-mana Universiti di dunia ini. Dengan perlantikannya ini, dan dengan bertambahnya perangkaan-perangkaan ekonomi dan demografi yang mudah diperolehi, disertai dengan kesedaran tentang peri pentingnya pengaruh kemajuan ekonomi keatas sesuatu masyarakat, maka pengajian sejarah ekonomi pun berkembang dengan pesatnya, terutama sekali di Perancis, England dan di Amerika Syarikat.<sup>3</sup> Hingga pada tahun 1970 sahaja, bidang ini telah diajarkan di tiap-tiap buah universiti di England, dan bilangan Professor dalam sejarah ekonomi di England sahaja berjumlah tiga puluh orang. Malahan bidang sejarah ekonomi ini merupakan satu-satunya cabang disiplin sejarah yang telah mencapai taraf tersendirinya.

Sambutan terhadap lapangan sejarah ekonomi ini begitu menggalakkan sehingga Persatuan Sejarah Ekonomi sekarang ini mempunyai ahli berjumlah 3,000 orang di seluruh dunia, dan majalah "Economic History Review"nya sudah mempunyai jualan sebanyak hampir 5,000 naskah.<sup>4</sup>

Sebelum diteruskan kertas kerja ini, saya rasa adalah wajar juga untuk disebutkan sedikit mengenai keanihan atau keganjilan lapangan sejarah ekonomi ini. Seportimana yang dicadangkan oleh namanya, Sejarah Ekonomi adalah gabungan daripada dua disiplin, iaitu sejarah dan ekonomi. Dan oleh kerana ianya merupakan suatu bidang yang secara relatifnya baharu, maka

- 
3. Fritz Stern, The Varieties of History, From Voltaire to the Present, New York, 1973, ms.304.
  4. N.B.Harte (ed.), The Study of Economic History: Collected Inaugural Lecturers 1893-1970, London, 1971, ms.xi.

kebanyakannya daripada pakar-pakar sejarah ekonomi adalah terdiri daripada ahli-ahli sejarah atau ekonomi. Di England ianya mempunyai leluhur dari Sejarah, manakala di Amerika Syarikat pula ianya berkembang dari Ekonomi. Di Universiti Cambridge dan Oxford, sama seperti di lain-lain tempat juga, sejarah ekonomi ditempatkan terkadang-kadang di Jabatan Sejarah dan terkadang-kadang pula di Jabatan Ekonomi. Dengan itu seseorang penuntut sejarah ekonomi akan berada di tengah-tengah di antara sejarah dan ekonomi. Ini akan merumitkan mereka lagi dalam mendapatkan bahan-bahan bacaan mengenai sejarah ekonomi – tanpa mengetahui samaada ianya ditempatkan dalam bidang sejarah atau ekonomi; selalu sahaja terpaksa menukar Jabatan/Fakulti apabila ia menyeberang Lautan Atlantik. Seorang penuntut sejarah ekonomi adalah merupakan seorang penuntut sejarah di kalangan penuntut-penuntut ekonomi; dan merupakan seorang penuntut ekonomi di kalangan penuntut-penuntut sejarah.<sup>5</sup>

Kedudukan Sejarah Ekonomi di Malaysia:

Setakat ini gambaran yang telah diperolehi adalah amat menggalakkan bagi sejarah ekonomi pada keseluruhanya. Tetapi, apakah perkembangan yang pesat juga berlaku di Malaysia ini? Jawapannya jelas sekali: bahawa ia merupakan suatu bidang yang diaibaikan – baik di pusat-pusat pengajian tinggi mahupun di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Saya rasa masanya sudah sampai untuk bidang sejarah ekonomi ini diberikan tempatnya yang

---

5. Ibid., m.s.369.

wajar di Malaysia — lebih-lebih lagi tatkala negara sedang bergiat dalam lapangan pembangunan ekonomi. Dalam proses pembangunan ekonomi negara perkara-perkara seperti 'jumlah penduduk, timbunan modal (capital accumulation), proses industrialisasi, incentives to savings, kadar kelahiran bayi, kadar kematian, pengaruh faedah keatas bekalan modal, kelakuan pedagang-pedagang di dalam berbagai-bagai peringkat perkembangan perusahaan, reaksi dan sambutan buruh terhadap kadar upah, dan sebagainya, adalah perlu dikaji. Perkara-perkara ini, dan juga beberapa perkara lain, adalah merupakan 'stock-in-trade' bagi Sejarah Ekonomi.<sup>6</sup>

Penulisan Sejarah Ekonomi Malaysia: <sup>7</sup>

Hingga ke hari ini belum pun ada seorang sarjana, sama ada ianya ahli sejarah atau pakar ekonomi, yang telah mengkaji dan menulis sejarah ekonomi Malaysia keseluruhannya. Tulisan-tulisan mengenai sejarah ekonomi Malaysia yang ada kobanyakannya merupakan tumpuan kepada Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura sahaja; itu pun tidak ada sebuah di antaranya yang merangkumi keseluruhan jangkamasa penjajahan British di sini. Penulisan mengenai sejarah ekonomi Sabah dan Sarawak amat kurang sekali; manakala tulisan-tulisan mengenai sejarah ekonomi Malaysia pula mengandungi jurang

- 
6. M.M.Postan, Fact and Relevance: Essays on Historical Method, Cambridge 1971, m.s.65-67.
  7. Kebanyakan isipadu bahagian ini telah diambil dari makalah Wong Lin'Ken, "The Economic History of Malaysia: A Bibliographic Essays," Journal of Economic History, Vol.25, 1965, ms.244-262.

dan kekosongan yang besar bagi negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, Pulau Pinang dan Melaka. Untuk meneruskan perbincangan saya akan memperkatakan sedikit mengenai beberapa kajian yang telah dilakukan dan yang mudah diperolehi oleh ramai mengenai sejarah ekonomi Malaysia,<sup>8</sup> dan penulisan-penulisan itu telah dibahagikan mengikut perkara dan tajuk-tajuk yang bebas.

Suatu karya yang hampir merupai sejarah ekonomi Malaya sebelum Perang Dunia I ialah kajian Arnold Wright dan Thomas H. Reid, The Malay Peninsula: A Record of British Progress in the Middle East, (London, 1910). Buku ini, pada keseluruhannya, telah mendewa-dewakan kejayaan-kejayaan penjajahan British di Malaya sebelum 1910 – oleh itu tidak terdapat sebarang peninjauan dari dalam, dan tidak ada penganalisaan terhadap perkembangan perlombongan, sistem perhubungan dan pengangkutan, perdagangan dan perkapalan. Seterusnya kejayaan penjajahan British telah ditinjau juga oleh L.A. Mills British Malaya: 1824-1867, (Singapura 1925), dengan pengkhususan terhadap perkembangan perdagangan, pertanian dan pentadbiran tanah di Negeri-Negeri Selat sebelum 1867. Kajian Mills yang kedua, British Rule in Eastern Asia: A Survey of Contemporary Government and Economic Development in British Malaya and Hong Kong, (London 1942) merupakan suatu keperihalan mengenai perkembangan ekonomi British Malaya di antara kedua-dua Perang

8. Dalam kertaskerja ini saya tidak membincangkan mengenai latihan ilmiah dan tisis yang telah dibuat mengenai aspek-aspek sejarah ekonomi Malaysia. Ini ialah kerana kajian-kajian itu secara relatifnya mempunyai penyebaran yang terhad.

Dunia. Akantetapi berbeza pula pendekatan yang dilakukan oleh Li Dun-Jen, British Malaya: An Economic Analysis, (New York, 1955). Li Dun-Jen ialah seorang rakyat Amerika berketurunan China, dan beliau mengaku bahawa kajianya itu ialah anti-imperialis, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perkembangan sistem kewangan, perdagangan, buruh, imigresasi, perusahaan-perusahaan getah dan bijih timah di Malaya antara tahun 1895 hingga 1938. Thema imperialisma British masih jelas terdapat di dalam buku Virginia Thompson, Post Mortem in Malaya, (New York, 1943) yang menumpukan pengkajian kepada jangkamasa empat tahun sebelum Perang Dunia II. Buat kali pertamanya dalam penulisan sejarah ekonomi Malaysia, buku ini telah memperkenalkan suatu perkara yang selalu diabaikan oleh penulis-penulis yang sebelumnya, iaitu pertentangan di antara kepentingan-kepentingan tertentu yang berasaskan garis-garis perkauman; iaitu pertentangan diantara pengusaha/pedagang Barat dengan pengusaha/pedagang Cina, terutama sekali di bidang perusahaan bijih timah dan perusahaan getah.

Sejarah Ekonomi Tanah Melayu di zaman pendudukan Jepun masih belum dibukukan lagi, dan tahun-tahun selepas Perang Dunia II hanya baharu dewasa ini sahaja menarik minat sarjana-sarjana sejarah. J.M. Gulliford, Malaya, (New York, 1963) mengemukakan secara keperihalan dan periwayatan polisi dan perkembangan ekonomi Malaya. Seterusnya kemajuan ekonomi Malaya selepas mencapai kemerdekaan telah dikaji secara analisa dan kritikan dalam The Political Economy of Independent Malaya, (Canberra, 1963) yang

disunting bersama oleh T.H.Silcock dan E.K.Fisk. Lim Chong Yah, "Post War Economic Development of Malaya - A Preliminary Study" dalam Ekonomi, Vol.IV, (1963) merupakan sebuah makalah yang ditulis oleh seorang tempatan mengenai perkara yang sama juga.

Sungguhpun penjajahan politik British di Malaysia sudah berakhir namun bibit-bibit penjajahan itu masih lagi terdapat di dalam bidang ekonomi menerusi sistem dan pertubuhan bank-bank Barat, syarikat perdagangan, syarikat perlombongan dan perusahaan getah dan syarikat perkapalan British. T.H.Silcock, The Commonwealth Economy in Southeast Asia, (Durham, 1959) memberikan kita latarbelakang kepada keadaan selepas Merdeka dengan menceritakan sistem penguasaan ekonomi British di Malaya di tahun-tahun sebelum 1957. Kajian E.M.Gull, British Economic Interest in the Far East, (New York, 1943) telah menggalorkan pula sejarah perkembangan perdagangan antara-bangsa Malaysia dalam konteks perdagangan British di Timur Jauh.

Aspek perdagangan pula amat kurang dikaji; yang ada kebanyakannya ialah mengenai Singapura, dan hanya ada beberapa buah sahaja mengenai Pulau Pinang; itupun jikalau ditinjau dari sudut jangkamasa, period 1914 hingga 1942 jelas tertinggal begitu sahaja. Kajian-kajian yang ada pada umumnya memberi pengkhususan kepada masaalah 'imperial preference' yang dikaji dari segi sistem perdagangan British, dan bukannya dari konteks perdagangan Malaya. Sejarah ekonomi pelabuhan-pelabuhan di Malaya, di Sabah dan di Sarawak masih memerlukan kajian dari ahli sejarah ekonomi.

Hingga kajian ini dilakukan maka baharulah suatu gambaran yang lengkap mengenai sejarah perdagangan Malaysia keseluruhannya dapat dihasilkan.

Mengikut sejarah Malaysia, perusahaan yang pertama sekali berkembang secara besar-besaran ialah perusahaan bijih timah. Sungguhpun demikian, secara relatifnya, penulisan dan kajian mengenai perusahaan ini amat sedikit sekali dilakukan jika dibandingkan dengan perusahaan getah. Selain daripada beberapa makalah yang ditulis oleh Siew Nim Chee dan Yip Yat Hoong di dalam Malayan Economic Review dan Kajian Ekonomi Malaysia, hanya ada tiga buah buku sahaja yang saya anggap penting. Pertamanya ialah, L.L.Fermor, Report Upon The Mining Industry of Malaya, (Kuala Lumpur, 1939) yang merupakan suatu kajian/laporan oleh seorang ahli geologi terkenal kepada Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Keduanya ialah Wong Lin Ken, The Malayan Tin Industry to 1914, (Tuscon, 1965) yang merupakan suatu kajian terperinci mengenai perusahaan bijih timah sebelum Perang Dunia I. Ketiganya ialah Yip Yat Hoong, The Development of the Tin Mining Industry of Malaya, (Kuala Lumpur, 1968). Ini merupakan suatu kajian yang mendalam dan meluas mengenai perusahaan bijih timah dari kurun ke-sembilan belas hingga ke tahun 1965. Tujuan buku ini ialah untuk 'mengisikan kekosongan yang terdapat dalam penulisan-penulisan lain mengenai perusahaan bijih timah.'<sup>9</sup>

---

9. Lihat, Yip Yat Hoong, The Development of the Tin Mining Industry of Malaya, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968, ms.vii.

Sebagai bandingannya pula, penulisan dan kajian mengenai perusahaan getah adalah amat memuaskan. Di antaranya ialah P.Schidrowitz dan T.R.Dawson (eds.), History of the Rubber Industry, (Cambridge 1952); dan W.Woodruff, the Rise of the British Rubber Industry, During the Nineteenth Century, (Liverpool, 1958). Kajian terbaharu sekali ialah J.H.Drabble, Rubber In Malaya 1876-1922: The Genesis of the Industry, (Kuala Lumpur 1972). Ini merupakan suatu pengkajian yang terperinci mengenai perkembangan perusahaan getah hingga ke tahun 1922. Di dalam bukunya ini Drabble cuba mengolah faktor yang mempengaruhi perkembangan perusahaan getah, seperti modal, buruh, usaha persendirian, polisi kerajaan dan penyelidikan teknik. Tidak ketinggalan juga ialah kajian P.T.Bauer, The Rubber Industry: A Study in Competition and Monopoly, (Cambridge, 1948). Buku ini merupakan susu cerakiran yang lengkap mengenai rancangan sekatan getah dan kesannya keatas struktur perusahaan itu, keatas buruh, teknik pengeluaran dan keatas pekebun-pekebun kecil bangsa Asia. Sungguhpun buku ini ada membincangkan kesan yang dibangkitkan oleh getah tiruan keatas getah asli, namun kajian C.Gamba, Synthetic Rubber and Malaya, (Singapura, 1959) merupakan suatu kajian yang lebih lengkap mengenai persaingan antara getah asli dengan getah tiruan.

Kajian-kajian mengenai perkembangan jumlah penduduk negara ini juga amat kurang sekali. Selain daripada lapuran-lapuran resmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian T.E.Smith, Population Growth in Malaya: An Analysis of Recent Trends, (London 1952) merupakan

satu-satunya kajian yang penting. Buku ini menganalisa banci penduduk tahun 1947 dalam konteks perubahan-perubahan sejarah yang berlaku di Malaysia sejak awal kurun kedua puluh. Makalah Lee Yong Leong, "The Population of British Borneo", dalam Australian Geographer, Vol.VIII (1962) juga berguna bagi kajian penduduk di Sabah dan Sarawak.

Tajuk imigrasi dan buruh telah mendapat sambutan yang secara relatifnya agak baik juga. Pada kebiasaannya, kedua-dua tajuk ini dibincangkan bersama, terutama sekali bagi jangkamasa sebelum 1914, bilamana pertimbangan keatas imigeran-imigeran China dianggap hampir-hampir sama dan seerti dengan perlindungan kepada buruh-buruh China. Saw Swee Hock, "Trends and Differentials in International Migration in Malaya", dalam Ekonomi, Vol.IV (1963) merupakan satu-satunya kajian mengenai arus-arus imigresasi berbagai kaum di Malaya dalam masa kira-kira 150 tahun yang lalu. Kajian R.N.Jackson, Immigrant Labour and the Development of Malaya 1786-1920, (Kuala Lumpur, 1961) ialah suatu sejarah peranan buruh-buruh asing dalam ekonomi Malaya, yang ditulis secara keperihalan dan periwayatan. Sungguhpun demikian suatu aspek yang masih kurang dikaji ialah pengaruh orang-orang imigeran China keatas masyarakat tempatan di Malaya - dengan adanya pengkajian yang demikian dapatlah kita mentafsirkan akibat ekonomi dan sosial imigresen orang-orang China ke negara ini. "Malaya moden pada asasnya ialah ciptaan bersama antara usaha persendirian British dan China."

---

10. V.Puroell, The Chinese in Malaya, London, 1948, m.s.vii.

Dan hal ini telah ditekankan oleh Victor Purcell di dalam dua kajiannya, The Chinese in Malaya (London 1948) dan The Chinese in Southeast Asia, (London, 1951). Seterusnya, daripada kajian-kajian yang sedia ada dapatlah dirumuskan bahawa persatuan-persatuan sulit China memainkan peranan yang penting bagi saudagar-saudagar China untuk menguasai lapangan buruh, perlombongan, cukai pajak, dan lain-lain aspek ekonomi Malaysia. Akantetapi tulisan yang dihasilkan oleh Leon Comber, Chinese Secret Societies in Malaya: A Survey of the Triad Society From 1800-1900, (New York, 1959); dan oleh W.L.Wynne, Triad and Tabut, (Singapore, 1941) merupakan kajian yang unggul mengenai persatuan sulit China itu - tetapi malangnya bagi sejarah ekonomi Malaysia, kedua-dua kajian itu telah menyentuh sedikit sekali peranan dan aspek ekonomi mereka.

Sementara itu peranan orang-orang India dalam ekonomi Malaysia janganlah dilupakan. Ada beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai peranan mereka, dan antaranya ialah Kernal Singh Sandhu, Indians in Malaya - Immigration and Settlement 1786-1957, (London 1969); S.Arasarathnam, Indians In Malaya and Singapore, (Kuala Lumpur, 1970); dan C.Kondapi, Indians Overseas, (New Delhi, 1951). Kajian Arasarathnam merupakan satu percubaan untuk mengkaji secara keseluruhan masyarakat orang-orang India di Malaya dari pertengahan abad kesembilan belas hingga dewasa ini. Kajian Kondapi pula merupakan salah sebuah kajian yang terbaik mengenai asal-usul imigresen orang-orang India ke Malaya dan juga ke tempat-tempat lain, dan mengenai masaalah sosial, ekonomi dan politik yang mereka hadapi.

Ada juga terdapat penulisan-penulisan mengenai buruh dan undang-undang buruh, tetapi kebanyakannya menumpukan kajian kepada masa selepas Perang Dunia I. Virginia Thompson, Labour Problems in Southeast Asia, (New Haven, 1946), memberikan suatu tinjauan yang umum mengenai sejarah buruh dan ulasan politik terhadap masaalah buruh di Malaya hingga ke tahun 1946. J.N.Farmer, Colonial Labour and Administration: A History of Labour in the Rubber Plantation Industry in Malaya c. 1910-1941, (New York, 1960) adalah merupakan suatu kajian ilmiah yang lengkap mengenai buruh di estet-estet sebelum Perang Dunia II. Hingga di masa ini belum lagi terdapat kajian mengenai buruh-buruh di lombong atau di perusahaan lain, seperti yang terdapat di dalam perusahaan getah. C.Gamba, The Origins of Trade Unionism in Malaya: A Study in Colonial Labour Unrest, (Singapore, 1962) dan M.Stenson, Industrial Conflict in Malaya, (Kuala Lumpur, 1970) merupakan dua kajian yang berguna mengenai buruh di Malaya selepas Perang Dunia II.

Peranan dan pengaruh British dalam ekonomi Malaya telah ditinjau dengan agak lengkapnya oleh G.G.Allen and A.G.Donnithorne, Western Enterprise in Indonesia and Malaya: A Study in Economic Development, (London, 1957). Kajian ini menumpukan perhatian kepada peranan dan pengaruh British dalam ekonomi Malaya selepas Perang Dunia II. Kajian Kathleen Stahl, The Metropolitan Organization of British Colonial Trade, (London, 1951) pula memberikan suatu tinjauan sejarah mengenai institusi-institusi yang menjadi alat penguasaan British dalam ekonomi Malaysia.

Kajian mengenai usaha firma-firma orang India di Malaya belum lagi dijalankan; suatu kajian yang ada memberikan sedikit keterangan mengenainya ialah S.Nanjudar, Indians in Malaya Economy, (New Delhi, 1950). Sementara itu pula kajian R.O.Winstedt, The Malays: A Cultural History, (London 1961) ada memberikan suatu tinjauan sejarah terhadap kehidupan ekonomi orang-orang Melayu; J.M.Gullick, Indigenous Political Systems of Western Malaya, (London, 1958) mengandungi maklumat yang berguna terhadap asas ekonomi kekuasaan politik Melayu dipertengahan kurun ke sembilan belas.

Polisi pertanian British di Malaya telah dihuraikan secara ringkas oleh Sir Alan Pim, Colonial Agricultural Production: The Contribution Made by Native Peasants and Foreign Enterprise, (London, 1946). Kajian amat kurang sekali dilakukan mengenai beberapa aspek pertanian di Malaya - oleh itu tidaklah ada buku yang dapat diasaskan perbincangan seterusnya melainkan Ding Eing Tan Soo Hai, The Rice Industry in Malaya 1920-1940, (Singapore, 1963); yang merupakan suatu kajian bagi perusahaan beras keseluruhannya dan secara tidak langsung pula bagi polisi ekonomi British ke atas orang-orang Melayu. Perkembangan ekonomi luarbandar solepas Perang Dunia II telah dihuraikan secara kritikan oleh Tjoa Soei Hock, Institutional Background to Modern Economic and Social Development in Malaya with Reference to the East Coast, (Kuala Lumpur, 1963).

Salah satu aspek ekonomi sejarah Malaysia yang kurang dikaji

ialah bidang matawang dan urusan bank. Kajian mengenai mata wang yang terdapat hingga di masa ini ialah mengenai pembaharuan-pembaharuan matawang yang berlaku di Malaya sebelum Perang Dunia I; antaranya ialah J.O. Anthonisz, Currency Reform in the Straits Settlements, (London, 1915), dan Chiang Hai Ding, "Currency Reforms in the Straits Settlements 1867-1906", iaitu suatu kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan International Association of Historians of Asia di Hong Kong pada tahun 1964. Buku Compton Mackenzie, Realms of Silver: 100 Years of Banking in the East, (London, 1954) mengandungi sebahagian kecil sahaja aktiviti Chartered Bank of India, Australia dan China di negara ini - dan daripada bahagian yang kecil sahaja ini kurang pula perbincangan mengenai sejarah ekonomi bank itu di Malaya. Sementara itu pula, suatu kenyataan yang ringkas mengenai urusan-bank kepunyaan orang-orang China di Malaya ini boleh didapati daripada makalah Tan Ee Leong. "The Chartered Banks Incorporated in Singapore and the Federation of Malaya", dalam JMBRAS, Vol. XXVI, (1953).

Gambaran yang diperolehi bagi bidang-bidang yang lain dalam sejarah ekonomi Malaysia juga tidak menggalakkan. Kajian mengenai penanaman modal Eropah dan China di negara ini juga amat kurang diperolehi; dan satu-satunya kajian mengenai pemilikan dan penguasaan ekonomi Malaysia yang boleh didapati ialah kajian yang dibuat oleh J.J. Puthucheary, Ownership and Control in the Malayan Economy, (Singapore, 1960). Manakala itu hanya satu kajian sahaja yang ada mengenai pendapat-

negara, iaitu F.Benham, The National Income of Malaya 1947-1949: With a Note on 1950. (Singapore, 1951).

KESIMPULAN:


Daripada tinjauan yang ringkas nyata mengenai beberapa aspek kajian ekonomi Malaysia ini jelaslah bahawa terdapat beberapa negeri, jangkamasa dan sektor ekonomi yang telah ditinggalkan begitu sahaja. Pada umumnya tumpuan telah diberikan kepada kajian mengenai kurun ke sembilan belas, dan kepada aspek-aspek yang amat berguna kepada penjajahan imperialis British dan Barat. Aspek-aspek yang tidak menguntungkan penjajah, seperti lapangan perusahaan padi/beras, kelapa, perikanan, perusahaan tangan dan perusahaan kampung amat tidak dihiraukan oleh mereka. Malahan kajian mengenai institusi-institusi ekonomi masih belum mencapai taraf yang diharap-harapkan. Dan memandangkan kepada kekurangan yang nyata dalam kajian ekonomi Malaysia, maka adalah amat sukar sekali bagi kita untuk menghasilkan suatu kajian mengenai sejarah ekonomi Malaysia yang menyeluruh - perkara ini terpaksa ditangguhkan dahulu hingga semua aspek ekonomi Malaysia dikaji dengan lengkapnya.

Selain daripada itu beberapa ciri telah timbul mengenai penulisan sejarah ekonomi Malaysia sekarang ini. Pertamanya sejarah ekonomi Malaysia terpaksa dicerok daripada beberapa kajian yang bukan menggunakan sejarah ekonomi sebagai themanya, iaitu daripada buku-buku mengenai sejarah politik

dan sosial negara ini. Keduanya, kajian-kajian yang sedia ada itu perlu dikaji semula dan dinilai semula dengan menggunakan sumber-sumber tempatan oleh rakyat Malaysia sendiri. Hingga dewasa ini kajian belumpun dibuat mengenai sumbangan dan perkaitan tiap-tiap kaum di Malaysia ini dalam konteks perkembangan ekonomi negara. Selain dari itu, adalah penting juga dilakukan kajian mengenai kesan dan akibat perkembangan ekonomi ke atas institusi dan aspek-aspek lain masyarakat kaum-kaum di Malaysia ini. Kajian-kajian yang ada umumnya kurang sekali meninjau dari dalam; sebagai contohnya, apakah akibat ekonomi ke atas penduduk-penduduk tempatan hasil dari tanaman modal, perkembangan perlombongan dan perusahaan getah, dan proses pengembangan perusahaan?

Pokok kepada segala-segalanya ialah menggalakkan rakyat Malaysia memasuki bidang sejarah ekonomi, kerana dengan bertambahnya penuntut dan sarjana dalam lapangan itu baharulah ada harapan bahawa jurang-jurang yang ada sekarang ini dapat dipenuhi. Ini adalah suatu harapan yang agak merumitkan kerana sejarah politik dan sosial masih merupakan aspek yang selalu dipelupori oleh institusi pengajian tinggi di negara ini. Sementara itu berkait rapat dengan masaalah menggalakkan minat ini ialah masaalah mendapatkan tenaga pengajar yang mempunyai kelayakan yang cukup dalam kedua-dua disiplin sejarah dan ekonomi untuk mengajar sejarah ekonomi Malaysia. Malahan kebanyakannya daripada kajian dan buku-buku yang saya sebutkan dalam kertaskerja ini merupakan keperihalan mengenai data-data

ekonomi dalam sejarah Malaysia. Tajuk dan perkara yang telah dikaji itu perlulah disemak dan dikaji semula oleh sarjana-sarjana yang mempunyai latihan yang sesuai dalam disiplin sejarah dan disiplin ekonomi. Malahan adalah lebih berfaedah lagi jika sekiranya sarjana-sarjana itu mempunyai kelayakan tambahan selain dari kematangan dalam ilmu sejarah dan ilmu ekonomi — seelok-eloknya mereka juga mengetahui bahasa-bahasa Melayu, China dan Tamil, selain daripada bahasa Inggeris; kerana dengan itu mereka akan dapat mengkaji sesuatu tajuk itu daripada semua sudut dan sumber dan menghasilkan suatu sejarah ekonomi Malaysia yang lengkap.



SEMINAR SEJARAH MALAYSIA KE 2

anjuran

PERSATUAN SEJARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PERANAN SEJARAH KEBUDAYAAN

DALAM PENULISAN SEJARAH MALAYSIA:


SATU TINJAUAN RINGKAS

- Oleh -

MUHD YUSUF IBRAHIM

JABATAN SEJARAH

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Peranan Sejarah Kebudayaan Dalam Penulisan Sejarah Malaysia:  
Satu Tinjauan Ringkas

Pada hematnya sejarah kebudayaan ini adalah satu cabang sejarah yang baru dan mungkin belum popular bagi Malaysia. Rasanya, sepanjang yang diketahui masa ini tidaklah lagi ada mana-mana sekolah ataupun universiti-universiti di Malaysia ini yang menawarkan matapelajaran sejarah kebudayaan, tentang Malaysia misalnya, itu secara khusus; yakni samada sebagai satu kursus maupun gabungan kursus-kursus didalam bidang pengkajian sejarah secara luas umumnya. Penulisan yang dapat diiktirafkan sebagai sejarah kebudayaan Malaysia juga sangatlah berkurangan -- malah hampir dapat dikatakan sebagai tidak ada langsung terutama sekali mengenai tiorinya. Kekurangan ini lebih jelas apabila kita melihat dari segi hasil dalam bahasa Malaysia.

Di Eropah Barat, sejarah kebudayaan ini mula popular sejak munculnya kumpulan ahli-ahli fikir mereka pada kurun kelapan belas; suatu kurun yang terkenal dengan pergerakan rasionalismanya. Mereka ini, antaranya, Locke, Montesquieu, Rousseau dan Voltaire, bukan sahaja merujuk kepada sejarah untuk mengemuka serta mengukuhkan pendapat mereka, malah ada diantara yang menulis sejarah sendiri. Apa yang penginti ialah kandungan sejarah yang mereka tulis itu adalah lebih luas serta menyeluruh dari hasil-hasil penulisan sejarah yang ditulis pada abad-abad sebelumnya, kecualilah zaman klasik mereka dimana tulisan-tulisan ahli-ahli sejarah seperti Herodotus dan Thucydides sudah dapat dianggap sebagai sejarah kebudayaan. Selain dari zaman itu, penulisan sejarah itu kebanyakannya

berpusat disekitar pergolakan politik di kalangan pemerintah ataupun anak-anak raja serta gulungan bangsawan, mengenai salasilah dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan ugama. Malah konsep sejarah itu sendiri berhubung rapat dengan ugama.

Diantara ahli-ahli fikir zaman rasionalis tadi, Voltaire (Francois Arrouet, 1697-1778) adalah diantara yang paling giat menulis dan menghasilkan karya-karya sejarah. Dalam hubungannya dengan sejarah kebudayaan sebuah karya beliau yang dianggap terpenting ialah Essay on The Manners and Customs of Nations. Karya ini dianggap oleh H.E. Barnes sebagai satu penulisan sejarah kebudayaan yang pertama di Eropah Barat yang seterusnya memulakan tradisi sejarah tersebut dalam zaman moden ini, khasnya di Eropah Barat.<sup>1</sup> Buku ini direncanakan oleh Voltaire sebagai sebuah buku yang mencatatkan tentang kebudayaan berbagai bangsa dan dalam berbagai waktu. Antaranya termasuklah kebudayaan orang-orang Timur, Asia Barat dan juga Eropah Barat sendiri. Dari segi pendek pula beliau meninggalkan pendekatan yang keugamaan terhadap sejarah seperti yang biasanya dilakukan sebelum zaman rasionalis itu. Sejarah kebudayaan pada

<sup>1</sup>H.E. Barnes, A History of Historical Writing, Dover Publications, Inc., New York (2nd Rev. Ed.), 1963. hal., 153. Sebuah lagi buku beliau yang penting ialah The Age of Louis XIV yang membicarakan tentang masyarakat Perancis di zaman pemerintahan raja tersebut secara menyeluruh. Buku ini juga dianggap sebagai hasil penulisan sejarah moden yang pertama, oleh H.E. Barnes. Ibid.

peringkat awal ini kebanyakannya adalah berupa sejarah yang luas, samada meliputi banyak negeri ataupun jangkamasa yang panjang.

Perkembangan yang bermula pada kurun kelapan belas ini diteruskan kekurun kesembilan belas dan juga kurun kedua puluh ini. Pada kurun kesembilan belas misalnya, terdapat beberapa penulisan yang terkenal yang dianggap sebagai sejarah kebudayaan. Diantaranya ialah, General History of European Civilization, oleh Francois Guizot yang diterbitkan pada tahun 1828. Juga karya oleh seorang penulis Swiss yang ulung, Otto Henne-am-Rhyn, bertajuk General Cultural History From Earliest Times to the Present. Karya ini diterbitkan bersiri dan berjumlah tujuh semuanya, diterbitkan diantara tahun 1877-1897. Selain dari itu terdapat juga hasil karya oleh Jacob Christoph Burchhardt yang antaranya terdiri dari The Civilization of Renaissance dan History of Greek Civilization, masing-masing diterbitkan pada dekad yang pertama bahagian kedua kurun yang kesembilan belas. Pada kurun kedua puluh ini pula, penulisan sejarah kebudayaan itu semakin berkembang. Banyak contoh yang boleh kita muatkan mengenai perkembangan sejarah kebudayaan di Eropah Barat itu. Misalnya siri sejarah kebudayaan yang diedit oleh Henri Berr, berjudul, "The Evolution of Humanity." Siri ini berjumlah seratus buah semuanya dan mula diterbitkan pada tahun dua puluhan. Juga siri yang berjudul, The Study of History, oleh Arnold Toynbee, berjumlah sepuluh jilid dan merupakan suatu projek yang terbesar mengenai sejarah kebudayaan yang pernah diusahakan oleh seorang sejarawan.

Di Amerika pula sejarah kebudayaan itu boleh dikatakan suatu perkembangan yang mula popular hanyalah selepas perang dunia kedua. Ini bukanlah

bererti sejarah kebudayaan itu, yang berdasarkan istilah bahasa Jerman. kulturgeschichte, tidak ada dihasilkan sebelum itu. Apa yang berlaku selepas perang yang dahsyat itu ialah penerimaan umum terhadap pentingnya sejarah kebudayaan itu.<sup>2</sup> Sehingga hari ini, sejarah kebudayaan itu telahpun dijadik suatu matapelajaran sejarah yang menarik ramai minat dikalangan penuntut-penuntur jurusan sastera ditahun pertama, dibeberapa buah universiti di sana. Dan barangkali satu contoh penulisan sejarah kebudayaan oleh sejarawan Amerika Syarikat pada kurun kedua puluh ini ialah siri yang diusahakan oleh Will dan Ariel Durant yang berjumlah sepuluh jilid semuanya; tiap-tiap jilid merupakan sejarah kebudayaan sesuatu zaman di Eropah Barat. Siri itu, seperti juga kandungan kursus sejarah kebudayaan, adalah mengenai kebudayaan/peradaban Eropah Barat dan tidaklah tentang negara mereka sendiri. Ini ialah kerana orang-orang Amerika Syarikat pada dasarnya menganggap tradisi kebudayaan Eropah Barat itu sebagai tradisi mereka juga. Satu contoh bagi kursus sejarah kebudayaan yang ditawarkan kepada penuntut-penuntut tahun pertama ialah, Origins of Western Civilization, yang

---

<sup>2</sup>Jacques Barzun, "Cultural History: A Synthesis" dalam The Varieties of History: From Voltaire to the Present, edited, selected, and introduced by Furtz Stern, Vintage Books. N. York, 1973, hal. 387-403.

merupakan satu tinjauan menyeluruh mengenai peradaban-peradaban yang mula-mula muncul di beberapa bahagian Asia Barat, Yunani, Rumawi, dan kemudiannya Eropah Barat sendiri dalam zaman pertengahan.<sup>3</sup>

Merujuk kepada tajuk perbincangan, apakah takrifan yang harus diberikan kepada sejarah kebudayaan itu? Apakah semata-mata merujuk kepada 'memperihalkan' sesuatu kebudayaan/peradaban bagi sesuatu masa saja? Ataupun ia harus lebih dari itu dalam pengertian bahwa konsep sejarah itu sendiri mempunyai takrifan yang lebih dari istilah 'perihal' saja? Sebenarnya sejarah kebudayaan itu tidaklah dapat diberikan satu takrifan yang tepat dan khusus seperti yang dapat kita lakukan dalam sejarah alam pemikiran misalnya. Tanya begitu rumit serta mengelirukan sepetimana juga usaha-usaha yang dilakukan untuk memberikan takrifan yang khusus dan tepat samada kepada sejarah maupun kebudayaan itu sendiri. Oleh yang demikian apa yang diberikan di sini hanyalah pengertiannya secara yang agak umum saja.

Pada dasarnya tentulah pengajian sejarah kebudayaan itu merupakan gabungan diantara dua disiplin ilmu pengetahuan, maupun pengalaman manusia, yakni sejarah dan kebudayaan. Sejarah itu secara umumnya dapat ditakrifkan sebagai

3

Antara buku rujukan yang digunakan ialah B.D. Lyon, H.H. Rowen, T.S. Hamerow, A History of Western World: Pre-History through the Renaissance (1969), dan J.L. Beatty, O.A. Johnson (eds.), Heritage of Western Civilization, jilid 1, (3rd ed., 1971).

segala peristiwa masa lalu yang telah pernah berlaku di dalam alam dan juga dalam kehidupan manusia. Juga ia kerap diertikan sebagai pengetahuan, catatan serta pengkajian mengenai masa lalu. Sejarah itu juga pernah dikatakan oleh E.H. Carr sebagai interaksi diantara sejarawan dengan fakta-fakta sejarah; suatu dialog yang tidak putus-putus antara masa kini dengan masa yang telah lalu.<sup>4</sup> Ataupun seperti takrifan R.G. Collingwood yang mengatakan bahwa sejarah itu adalah penggambaran kembali di dalam pemikiran sejarawan akan peristiwa-peristiwa lalu (yang terdiri dari 'peristiwa luar' dan 'dalam'). Kebudayaan itu pula secara luasnya, adalah keseluruhan cara kehidupan, pencapaian dan ciptaan-ciptaan samada yang digulungkan ke dalam konsep kebendaan ataupun sebaliknya; yakni yang jasmaniah dan ruhaniah. Kebudayaan merangkumi semua manifestasi-manifestasi dan kebiasaan-kebiasaan kemasyarakatan bagi sesuatu masyarakat, tindakbalas-tindakbalas individu akibat kesan dari kebiasaan-kebiasaan kumpulannya, dan juga hasil-hasil kegiatan manusia yang ditimbul serta ditentukan oleh kebiasaan-kebiasaan tersebut.

Berdasarkan takrifan yang menyeluruh di atas itu, maka kandungan bagi sejarah kebudayaan itu adalah terdiri dari pengertian terhadap kebudayaan itu sendiri, khususnya yang telah tergulung ke dalam masa lalu dan bukan masa kini. Tegasnya merupakan gambaran dan kajian mengenai peristiwa-peristiwa

---

<sup>4</sup>E.H. Carr, *What is History?* Pelican Book, 1965, hal., 30.

kebudayaan yang telah lalu bagi sesuatu masyarakat atau bangsa/negara, misalnya dalam satu jangkamasa yang tertentu. Dari segi kandungan ini juga kita dapat melihat sejarah kebudayaan itu adalah merupakan suatu sintesis dimana peristiwa-peristiwa ekonomi, politik, intelek dan kemasyarakatan dan juga keugamaan itu merupakan fakta-fakta atau peristiwa-peristiwa yang menjadi landasan umum kepada pengkajian. Contohnya ialah kursus Western Civilization Since 1848 - Present yang ditawarkan di sebuah universiti di Amerika, yang mengkaji tentang faktur-faktur atau dorongan-dorongan kemasyarakatan politik, ekonomi dan intelek sejak 1848 yang menjadi latarbelakang kepada kemunculan krisis-krisis besar pada kurun kedua puluh ini.

Oleh kerana di sini sejarah kebudayaan itu dianggap sebagai satu cabang sejarah, maka seharusnya kita melihat kebudayaan itu, atau sejarah kebudayaan itu, dari macamata aliran sejarah dan bukan dari segi disiplin kebudayaan ataupun kaji kemasyarakatan maupun kajimanusia. Ertinya bukan saja teknik dan kaedah penyelidikannya akan tertakluk kepada kaedah sejarah, malah sintesis tersebut harus berlegar di sekitar persoalan apakah dan bagaimanakah sesuatu kebudayaan itu lahir, apakah peranan manusia dalam melahirkannya, apakah bentuknya dan bagaimanakah pergerakannya? Pengkajian itu bukan dilakukan dengan cara memilih suatu artifek kebudayaan, katakanlah rebana, lalu memperihal-kannya dari segi bentuknya, gunanya dan sudut asthetikanya saja. Ini bukan sejarah kebudayaan- mungkin ini merupakan 'sejarah kebudayaan' dari segi jurusan kaji-masyarakat, tetapi dari segi disiplin sejarah sudah pastilah tidak. Dari segi sejarah, rebana, antara lain, hanyalah penting apabila

sejarawan ataupun orang yang berminat, memutuskan untuk menganggapnya sebagai penting. Dan keputusan ini diambil setelah sebab-sebab serta kesan dan peranan rebana itu didalam hubungannya dengan sesuatu peristiwa masa lalu. Apakah rebana itu merupakan sesuatu yang penting dalam berlakunya suatu peristiwa yang menyebabkan bertukarnya suatu sistem politik? Apakah rebana itu merupakan sesuatu yang boleh menentukan maju dan mundurnya sesuatu tamaddun itu? Ataupun apakah peranan rebana itu dalam menentukan kehidupan manusia sehari-hari? Dalam lain-lain perkataan, rebana itu harus melalui proses-proses penilaian, pertimbangan penghakiman, pemikiran dan akhirnya tafsiran maka barulah boleh ia dianggap sebagai satu fakta bagi sejarah kebudayaan.

Jadi seperti yang disentuh tadi, sejarah kebudayaan itu adalah merupakan gambaran keseluruhan, suatu sintesis, mengenai peristiwa-peristiwa kebudayaan yang telah berlaku melalui ruang dan waktu, dan yang dikaji dari bahan-bahan yang dipilih dari keseluruhan data-data yang didapati bagi sesuatu kebudayaan yang hendak dikaji. Kaedah sejarah mengawal pemilihan data-data da kaedah sejarah juga mengkehendaki yang mengkaji memberikan tafsirannya.

#### Di Malaysia

Seperti yang dikatakan tadi sejarah kebudayaan adalah masih agak besar bagi Malaysia, lantas itu belumlah lagi ada tradisi penulisannya. Tidak dapat kita nyatakan siapakah yang boleh kita anggap sebagai 'pengasas' sejarah kebudayaan di Malaysia ini; samada dilihat dari segi penulisan orang-orang/ pentadbir Barat maupun orang-orang tempatan sendiri. Kalau Raja Ali Haji yang

menuliskan Tuhfat-al-Nafis itu mungkin dapat dianggap sebagai pengasas bagi penulisan yang moden di Malaysia, maka bagi sejarah kebudayaan secara khususnya belumlah lagi dapat dinyatakan dengan yakin siapakah orangnya. Tuhfat-al-Nafis adalah suatu hasil yang lebih mirip kepada sejarah politik dan salsilah saja dan pendekatannya tidaklah dari sudut sejarah kebudayaan. Malah hasil-hasil yang banyak dapat kita lihat hari ini adalah sejarah yang mempunyai pendekatan-pendekatan dari sudut politik, pentadbiran, salasilah dan sedikit-sedikit dari sudut ekonomi dan kemasyarakatan. Sedang pendekatan dari sudut yang kita bincangkan sangatlah terbatas.

Dalam penulisan sejarah kebudayaan pendekatan dan penekanan tidaklah ditumpukan kepada sesuatu sudut saja; malah setiap dorongan-dorongan besar yang bertanggungjawab dalam pergerakan kehidupan bagi suatu bangsa dalam satu jangka-masa itu harus diberikan pertimbangan yang seimbang. Oleh yang demikian, dalam mengkaji sejarah kebudayaan Malaysia, misalnya mengenai zaman Melaka bagi kira-kira satu kurun, maka setiap aspek kehidupan dan pergerakan didalam kehidupan itu yang dianggap penting haruslah dibincangkan dengan sewajarnya. Dengan itu barulah didapati suatu gambaran, yang mungkin bererti bagi kita, mengenai cara hidup orang-orang Melaka pada kira-kira satu ratus tahun itu. Ini sudah tentulah merupakan sekop yang luas; oleh itu terkadangkala sejarah kebudayaan ini dibahagikan kepada beberapa bahagian dan peringkat. Misalnya sejarah kebudayaan Melaka itu boleh ditinjau dari sudut alam pemikiran ataupun pergerakan inteleknya; yakni sejauh manakah usaha-usaha cendiakiawan Melaka itu, sekiranya adə telah menyumbangkan kepada perkembangan dan kebaikan penghidupan berkebudayaan di

Melaka. Begitu juga bagi sejarah Malaysia moden, kita boleh melihat sejarah kebudayaannya dari sudut alam pemikiran maupun ekonomi. Misalnya sejauh manakah Asas 50 dulu telah mempengaruhi perkembangan, bukan saja sastera, malah kehidupan dan alam pemikiran orang-orang Malaysia? Apakah pencapaian-pencapaian Asas 50 itu dapat kita bandingkan dengan pencapaian-pencapaian kumpulan rasionalis zaman Kesedaran Eropah Barat pada kurun kelapan belas dulu yang mengakibatkan beberapa revolusi besar yang pada akhirnya menukar seluruh cara kehidupan orang-orang Barat? Apakah pengaruh buah fikiran Usman Awang dan Keri Mas mempunyai implikasi kemasyarakatan dan kebudayaan yang meluas di kalangan masyarakat Malaysia? Ataupun masih terlalu awal bagi kita untuk memberikan nilai sejarah kebudayaan kepada Asas 50?

Merujuk kepada kurangnya hasil-hasil yang berupa sejarah kebudayaan tadi, sebuah buku yang bercita-cita untuk memenuhi sebahagian dari kekosongan itu ialah, The Malays: A Cultural History, oleh R.O. Winstedt, yang mula-mula diterbitkan pada tahun 1947. Dari segi pendekatan, penyusunan bab dan mungkin juga kaedah penyelidikan serta rangka umumnya, buku ini mungkin dapat kita terima sebagai satu hasil penulisan yang berupa sejarah kebudayaan. Tetapi da segi kandungannya, pandangan, malah fakta-fakta yang dimuatkan masih dapat dipersoalkan tentang ketepatan serta kebenarannya. Tegasnya buku ini harus disemak semula dengan telitinya untuk menentukan apakah kandungannya benar-benar menggambarkan sejarah kebudayaan The Malays sejak zaman awalnya hingga selepas perang dunia yang kedua? Begitu jugalah mengenai buku-buku lain, terutamanya yang ditulis oleh pegawai-pegawai pentadbir Inggeris dulu, harus

disemak semula untuk menentukan apakah yang mereka tulis itu benar ataupun hanya hayalan dan pandangan kosong mereka saja.

Seperti definisi sejarah kebudayaan itu sendiri, penulisan sejarah kebudayaan Malaysia adalah suatu usaha yang rumit dan mengelirukan. Dalam usahanya itu seseorang itu mungkin terus terjerumus ke dalam bidang sejarah politik ataupun intelek semata-mata. Oleh itu sejarawan, ataupun orang-orang yang berminat mengenainya haruslah berhati-hati. Dari segi luasnya penulisan sejarah kebudayaan Malaysia itu haruslah dilihat dalam hubungannya dengan perkembangan-perkembangan dan kejadian-kejadian terpenting yang berlaku di dalam kehidupan manusia Melayu/Malaysia sejak zaman awal sejarahnya lagi. Ini mungkin menghasilkan suatu penulisan yang luas, yang bersiri misalnya, "Sejarah Kebudayaan Malaysia dari Kurun Kelima Belas Hingga Tahun 1969," ataupun bermula lebih awal dari itu. Dan dari segi terperinci pula ia harus merupakan bahagian-bahagian serta butir-butir dari pengkajian yang berdasarkan landasan diatas. Inilah kandungan bagi sejarah kebudayaan itu secara amnya. Bahagian-bahagian itu terserahlah kepada si pengkaji untuk menetapkannya; mungkin ia berupa "Sejarah Peradaban Melaka", Kegiatan Cendiakiawan Melayu didalam Empayar Johor-Riau, "Kemasukan Orang-Orang Asing", dan sebagainya, asal saja ia memberikan gambaran, penerangan, sumbangsan tentang ujudnya sesuatu cara kehidupan orang-orang dalam zaman yang kita kaji. Pendapat-pendapat mungkin berbeza, tetapi ini adalah sesuatu yang lumrah.

Peranan

Tentang perannya pula dalam penulisan sejarah Malaysia; pada dasarnya ia tergantung kepada jawapan-jawapan yang diberi bagi soalan apakah bentuk penulisan sejarah Malaysia yang dikehendaki? Atau apakah kandungan sejarah Malaysia yang dapat kita terima sebagai tepat Malaysia dan tidak asing? Apakah ia harus mengujudkan orientasinya sendiri?

Rasanya jawapan bagi persoalan-persoalan diatas tentulah sedikit sebanyaknya terbayang juga di kepala kita. Bentuk penulisan sejarah Malaysia yang dikehendaki itu haruslah mempunyai orientasinya - ataupun berkiblat kemari-sendiri. Ia haruslah selengkap yang mungkin dan tidak terputus-putus seperti yang dapat kita lihat pada hari ini. Juga patut memberi pengertian, bukan saja kepada sejarawan, malah juga kepada umum. Dalam hal yang demikian itu peranan sejarah kebudayaan itu ujud atas dasar bahwa sejarah kebudayaan itu adalah suatu sintesis; yang memberikan gambaran yang menyeluruh serta terperinci mengenai peranannya sesuatu 'zaman' didalam sejarah Malaysia. Dengan itu / ... yang pertama ialah ia mungkin dapat membentulkan orientasi sejarah kita. Orientasi yang ada sewajarnya diubah kerana sejarah Malaysia dengan orang-orang Melayu/Malaysia sebagai watak-watak utamanya sejak awal-awal lagi belumlah menerima penilaian sejarah yang sewajar. Begitu juga sejarah orang-orang Melayu/Malaysia di tanahair mereka sendiri tidak seharusnya berteraskan peristiwa-peristiwa serta kegiatan-kegiatan penjajah di sini. Walaupun kedatangan mereka itu adalah juga sebahagian dari sejarah kebudayaan Malaysia, tetapi sebagai yang dinyatakan itu hanyalah sebahagian saja; yang selebihnya adalah sejarah tempatan yang dilakuk-

oleh orang-orang tempatan.

Kedua ia dapat 'melengkapkan' keadaan sejarah kita yang masih terputus-putus ini. Kita mungkin sudah mempunyai sejarah kedatangan serta kegiatan penjajah yang agak lengkap, tetapi sejarah berdasarkan peristiwa dan tokoh-tokoh tempatan, dimana orang-orang tempatan itu memainkan perannya yang sebenar dan sepenuhnya, belumlah lengkap lagi. Sejarah kebudayaan dapat memberikan gambaran mengenai kehidupan dan tindaklaku mereka ini yang sebenarnya. Dan yang ketiga sejarah kebudayaan itu dapat memberikan fahaman, bukan saja kepada sejarawan tetapi juga kepada umum, mengenai sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku di dalam suatu jangkamasa kebudayaan itu.

#### Masaalah

Ada dua masaalah yang terbesar yang dihadapi dalam mengkaji sejarah kebudayaan Malaysia ini. Pertama sekali ialah mengenai sumber. Sepertimana takrifan sejarah kebudayaan itu juga, sumber-sumber mengenainya adalah sukar untuk dibatasi. Ia terdiri dari berbagai-bagai misalnya lapuran rasmi, dokumen-dokumen absah, akhbar-akhbar, risalah-risalah, hasil-hasil seni, karya-karya sastera dan juga tinggalan-tinggalan yang mungkin tinggalan-tinggalan kajipurba. Tidak ada suatu bentuk sumber yang khusus yang dapat dikatakan istimewa tertakluk kepadanya. Soalnya ialah, apakah kita mempunyai sumber-sumber atau bahan-bahan yang sudah cukup untuk memenuhi maksud penulisan sejarah kebudayaan Malaysia itu?

Masaalah yang kedua ialah tenaga penyelidik. Kita harus mempunyai kumpulan tenaga penyelidik yang berminat serta jujur dalam melaksanakan usahanya. Mereka ini hendaklah fasih berbahasa Melayu/Malaysia - boleh membaca, menulis

dan bertutur dengan baik. Elok juga sekiranya mereka mengetahui adat-resam tempatan, sekiranya mereka itu orang asing. Kesemuanya ini adalah perlu kerana minat dan kejujuran itu, disokong oleh sumber yang cukup, akan menghasilkan penulisan sejarah yang seimbang dan pandangan juga tidaklah akan dipaksakan sewenang-wenangnya saja. Pandangan dan penilaian yang dipaksakan itu kadangkala menyebabkan kesalahan-kesalahan fakta di dalam sejarah. Pengetahuan bahasa itu perlu kerana kita ingin mengelakkan dari berlakunya beberapa kesalahan serta kekeliruan yang pasti akan menimbulkan masaalah-masaalah lain. Kita tidak mahu lagi misalnya Raja Ahmad itu dipanggil Raja Ahmed, atau Muhammad menjadi Muhammed, ataupun Sungai Ujung menjadi Cinyojum, atau Kelang menjadi Keleng, dan Orang Selat menjadi orang-orang Cellate. Inilah yang harus kita sedari, ataupun disedari oleh orang-orang yang berminat dalam hal ini. Dalam keadaan kita sekarang tenaga penyelidik itu mestilah diujudkan dan diperluaskan dengan cara berhati-hati. Dan keutamaan haruslah diberikan kepada anak-anak tempatan.

#### Masa Depan


Walaupun pada ketika itu sejarah kebudayaan Malaysia itu masih terlal banyak kekurangannya, tetapi kemungkinan-kemungkinannya untuk berkembang dan mendapat tempat adalah baik. Disamping itu masa depannya itu adalah luas dan rencam. Bukan saja ia luas dan rencam dari segi mengujudkan suatu orientasi sendiri, tetapi adalah dari segi kandungannya juga. Ini dapat dilihat dari segi ujudnya masyarakat majmuk, dengan berbagai-bagai masaalahnya itu. Walaupun dari segi zaman masa kini masaalah masyarakat majmuk itu lebih merupakan masaalah

cajimasyarakat, tetapi tidak lama lagi ia akan menjadi masaalah sejarah kebudayaan juga. Malah mungkin sudah adupun yang telah menjadi sebahagian dari sejarah kebudayaan.

Begitu juga masa depannya itu luas dan rencam ditinjau dari segi perkembangan-perkembangan politik, ekonomi kemasyarakatan, misalnya sejak kemerdekaan tercapai. Ataupun perkembangan alam pemikiran selepas perang dunia kedua. Tidak juga ketinggalan perkembangan di sektor ugama, misalnya yang berupa dakwah untuk menarik orang-orang bukan Islam menganut ugama Islam. Semuanya ini akan mempengaruhi, dan mempunyai peranan dalam pembentukan, kebudayaan Malaysia yang akan datang yang apabila telah dilanda oleh masa akan menjadi sejarah pula.

\*\*\*\*\*

Muhd. Yusof Ibrahim



6

SEMINAR SEJARAH MALAYSIA KE 2

anjuron


PERSATUAN SEJARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PENULISAN SEJARAH SOSIAL MALAYSIA

oleh

Dr. Khoo Kay Kim

JABATAN SEJARAH  
UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR.



## PENULISAN SEJARAH SOSIAL MALAYSIA

Memang tidak bererti kalaulah dalam proses membincangkan penulisan Sejarah Malaysia tidak pula di bangkitkan soal berksitan dengan pemikiran baharu tentang pekara itu,bukan kerana setiap kali Sejarah Malaysia di bicarakan seharusnya di adakan perbahasan yang berlanjutan tetapi kerana walaupun begitu banyak telah di tulis dan di perkatakan tentang pekara itu,masih ramai yang merasa ragu-ragu tentang apakah yang di maksudkan dengan pengkajian kembali Sejarah Malaysia.Moga-moga ini adalah kali yang terakhir penjelasan perlu di berikan tentang suatu pekara yang bukan hanya begitu lama di paparkan tetapi telah juga banyak di usahakan.Mereka yang bersikap sinis sepatutnya membaca karyakarya sejarah yang di selenggarakan dalam beberapa tahun ini sebelum membuat sebarang kritikan kerana keserjanaan dan kejashilan bukanlah ranak-rakan sebatia.

Harus di tegaskan pengkajian kembali Sejarah Malaysia bukan bererti penulisan Sejarah Malaysia dengan tujuan membales dendam isaitu,misalnya, kalaulah dahulu penulis Barat mengatakan kita bodoh dan mundur maka sekiranya dalam tulisan kita mereka seharusnya di anggap manusia zalim dan curang.Kajian-kajian dahulu mempunyai banyak kesilapan fakta;ini sepatutnya di betulkan,tetapi pada asasnya,pengkajian kembali Sejarah Malaysia merujuk kepada percubaan untuk membentangkan soalan-soalan yang baru serta penyelidikan mengenai tajuk-tajuk yang setakat ini kurang diperhatikan.

Penulisan sejarah bergantung kepada soalan,atau dalam lain perkataan, ia merupakan satu usaha untuk menjawab soalan-soalan yang tertentu.Maka pengkajian atau penulisan semula Sejarah Malaysia merupakan percubaan untuk menjawab soalan-soalan yang berlainan daripada soalan-soalan yang

berlainan daripada soalan-soalan yang menarik perhatian sejarawan-sejarawan pada masa dahulu. Contohnya, kalau dahulu soalan-soalan yang diutamakan ialah, di antara lain:

- (a) Mengapa Kompeni Inggeris ingin mengasaskan sebuah pusat perdagangan di Selat Melaka pada penghujung abad ke 18?
- (b) Mengapa Kerajaan British mengambil keputusan untuk campur tangan di Negeri Perak pada tahun 1874?
- (c) Bagaimanakah pihak British mentadbirkan Negeri-negeri Melayu dari 1874 hingga 1941?

Maka, sekarang mungkin soalan-soalan yang menarik perhatian para sejarawan ialah seperti berikut:

- (a) Bagaimanakah pola masyarakat yang muncul di Pulai Pinang pada penghujung abad ke 18?
- (b) Apakah faktur-faktur yang mendatangkan perubahan di Negeri Perak pada awal 1870an?
- (c) Bagaimanakah masyarakat Melayu menghadapi pengaruh luar negeri dari 1874 hingga 1941?

Jelas sekali dari segi isi kandungan, tulisan-tulisan yang merupakan percubaan untuk menjawab ketiga-tiga soalan yang awal itu tidak sama dengan tulisan-tulisan yang merupakan percubaan untuk menjawab ketiga-tiga soalan yang kemudian itu. Oleh demikian memang tiada sebab mengapa perbahasan seharusnya timbul tentang tulisan manakah yang boleh dikatakan lebih baik. Baik atau tidak baiknya satu-satu karya ilmiah bergantung kepada kretiria yang berasingan, yang bersifat ilmiah. Tetapi, kalau tulisan-tulisan lama dan baru itu dibandingkan berdasarkan pertanyaan manakah yang dengan lebih ketara memperlihatkan keadaan masyarakat Malaysia, maka sudah tentu kajian yang merupakan percubaan untuk menjawab ketiga-tiga soalan yang kemudian itu lebih jelas mengutarakan perkembangan masyarakat tempatan.

Oleh sebab itu kalau di katakan Sejarah Melayu perlu di kaji semula, itu bukan bererti para sejarawan sekarang akan menyangkal segala yang pernah di sebutkan oleh para sejarawan jenarasi dahulu. Apa yang di maksudkan ialah para sejarawan sekarang sepatutnya menumpukan perhatian kepada pekerja-pekerja yang baharu yang dahulu di abaikan atau kurang di utamakan oleh ahli sejarah. Dilihat dari segi yang lebih dasar kalau lemah kajian-kajian sejarah dahulu lebih mementingkan unsur-unsur politik dan pentadbiran, maka sekiranya di harap ahli sejarah akan cuba menulis dengan prespektif yang lebih luas iaitu merangkumi segala aspek masyarakat. Apa yang seharusnya dititikberatkan ialah perkembangan masyarakat keseluruhan dan bukan hanya perkembangan pentadbiran British di Melayu. Kajian yang bercorak baharu itu tidak sepetutnya merupakan satu percubaan sengaja untuk mengeneplikkan unsur-unsur luaran dalam perkembangan sejarah, hanya unsur-unsur itu mungkin tidak akan di pentingkan per se tetapi akan di perhitungkan sebagai faktur-faktur yang memberi kesan kepada perkembangan masyarakat tempatan.

Membincangkan pekerja ini secara abstrak mungkin kurang berkesan. Beberapa contoh yang lebih konkret perlu di berikan daripada kajian-kajian yang telah di jalankan dalam beberapa tahun ini untuk menunjukkan bagaimanakah dapat diketahui bahawa penulisan sejarah masa sekarang memang berbeda dengan kerja-kerja yang diusahakan lebih kurang sepuluh tahun dahulu. Di bawah ialah beberapa kajian ilmiah yang pernah di buat oleh mahasiswa di antara 1969 dengan 1973:

1. Mohd. Nor bin Long, 'Perkembangan Sekolah Melayu di Negeri Perak (1889-1956)'
2. Yap Ai Chin, 'The English-Speaking Chinese of Taiping (1900-1940)'
3. Mohomed Mokhtar bin Mohd. Nor, 'Persatuuan2 Politik Melayu Malaia Sebelum Perang Dunia Kedua'
4. Abdul Hamid bin Othman, 'Inteligensia Melayu Di Dalam Beberapa Kegiatan Sosial di Kota Bharu Di Antara Tahun 1900an Hingga 1945'

5. Ramli Adam, 'Maktab Melayu Melaka 1900-1922'
6. Abdul Aziz bin Mat Ton, 'Gerekan Ansurul Sunnah Dalam Kegiatan Kaum Muda Di Melaka'
7. Mohamed bin Ismail, 'Keadaan Sosial Orang-orang Melayu Sebelum Perang Di Melaka'
8. Abdullah bin Abdul Rahman, 'Perkembangan Sekolah-sekolah Di - Kelantan antara Tahun-tahun 1904 hingga 1941 dengan Perhatian Khusus kepada Sekolah-sekolah Vernacular Melayu'
9. Zulkifly Abdul Rahman, 'Peranan Majlis Ugama Islam dan Istimadat Melayu Kelantan Dalam Bidang Pelajaran Sebelum Perang Dunia Kedua (1916-1940)'
10. Izham bin Abdul Aziz, 'Rembau:Sejarah Perkembangan Sistem Politiknya (Abad 18 dan 19)'
11. Ayub Kasim, 'Peristiwa Berdorong Tahun 1950 di Bukit Kepong, Muar: Suntu Post-Mortem'
12. Ismail Abdul Hadi, 'Sejarah Mukim Gedong'
13. Mohamed Bin Endut, '1928 - Penderhakaan di Terengganu'
14. Zainuddin bin Lemon, 'Perkembangan Pelajaran Melayu di Selangor 1875 - 1930'

Senarai ini memang jauh dari pada lengkap dan di samping itu ada juga kajian-kajian lain yang merupakan kertas kerja yang dibuat oleh mahasiswa yang mengambil kursus-kursus tertentu:

1. Zainuddin Haji Zainol Abidin, 'Sungai Choh:Pembukaan,Perkembangan, Perpecahan (1900-1950)'
2. Kadir bin Rashid, 'Sejarah Rengkas Lenggeng dari Tahun 1890an - 1960an'
3. Muhammad bin Abdullah, 'Tok Kenali:Ulama Besar dan Tokoh Pendidikan Kelantan'
4. Hussin bin Abu Bakar, 'Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam: Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Muar,Johor'

5. Shabudin bin Hashim, 'Perkembangan Sekolah Pondok Al-Madrasat-ul Al-Hamidiah, Limbung Kepal, Alor Star, Kedah'
6. Mohamed bin Haji Taib, 'Sejarah Masyarakat Majmuk di Mukim Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor'
7. Mohd. Yusof bin Ali, 'Masyarakat Majmuk di Masjid Tanah Melaka 1900-1940'
8. Azam bte Abdullah, 'Hubungan Sosial Masyarakat Kampung Jawa, Kelong, Selangor'
9. Yusuf bin Abu Bakar, 'Sejarah Kuala Besut dan Perkembangan Masyarakatnya'
10. Mohd. Ghazali Haji Yahya, 'Perubahan Sosial di Kampung Raja, Mukim Songsong, Temerloh, Pahang, di bawah pemerintahan tiga orang Penghulu'
11. Ismail bin Abdul Hamid, 'A History of Serendah 1880 to 1940'
12. Abdul Rauf bin Abdul Rahim, 'Asal usul Mersing dan Perkembangannya'
13. Mohd. Abidin bin Haji Mohd. Zain, 'Pasir Tumbuh dalam tahun-tahun 1900-1950an'
14. Mohd. Rosly bin Mohd. Solleh, 'Nakhoda Yusoff dan Perdagangannya, 1918-1940an'

Harap perhatikan kebanyakkan daripada kertas kerja itu adalah percubaan untuk mengkaji dan menulis sejarah sosial Malaysia. Maka di sini timbulah soalan yang mal angnya, tidak mudah dijawabnya - iaitu apakah erti 'sejarah sosial'? Istilah 'sosial' begitu biasa digunakan di samping istilah 'politik' dan 'ekonomi' sehingga seolah-olah setiap istilah itu merujuk kepada suatu cspak atau bahagian kehidupan atau kegiatan manusia yang berasingan, seolah-olah masyarakat boleh di bahagikan kepada tiga bahagian yang kemas dan tiap-tiap satunya merupakan satu budang yang tertentu yang tidak kaitannya dengan yang lain. Ini sesungguhnya bertentangan dengan hakikat. Maka inilah yang menimbulkan kesukaran apabila percubaan dibuat untuk memberikan taraf kepada satu-satu istilah itu. Namun demikian secara bon-

dingan istilah 'politik' dan 'ekonomi' mungkin dapat di jelaskan dengan lebih mudah daripada istilah 'sosial'. Pada umumnya dapat di katakan bahawa 'politik' merujuk kepada segala bersesit dengan sistem pemerintahan; 'ekonomi' pula merujuk kepada mata pencarian manusia. Memang ada kebenaran kalau di katakan bahawa 'sosial' merujuk kepada hubungan di antara manusia dengan manusia. Hanya 'hubungan' yang di maksudkan itu meliputi aspek politik dan ekonomi juga. Pendekata, apa yang di sebut sebagai 'sosial', sesungguhnya, meliputi bidang yang lebih luas daripada bidang politik dan ekonomi. Maka pernah di katakan bahawa sistem sosial merujuk kepada keseluruhan hubungan manusia semu ada dalam sesebuah masyarakat atau di antara sebuah masyarakat dengan masyarakat lain pada hal sistem ekonomi hanya merupakan sub-sistem.

Kesukaran bukan hanya timbul dalam percubaan untuk memberi tafsir kepada satu-satu istilah itu secara abstrak bahkan dari segi amalan, iaitu apabila percubaan di buat untuk mengkaji dan menulis sejarah. Sebuah kajian tentang perkembangan atau peristiwa politik, misalnya, perlu memperhitungkan unsur-unsur bukan politik sebagaimana sebuah kajian mengenai sistem ekonomi harus menimbangkan faktur-faktur bukan-ekonomi yang memberi kesan kepada keadaan ekonomi. Sebagai contoh, bila kita memerhatikan buku J.M. Gullick yang terkenal itu - Sistem Politik Bumiputra Tanah Melayu Barat. Se bagaimana jadual buku itu menunjukan, pokok persoalanannya ialah 'politik'. Tetapi, pada asalnya, kajian itu merupakan satu disertasi yang telah di ajukan untuk Diploma In Social Anthropology. Dan di dalam perbincangan mengenai sistem politik Melayu, Gullick tidak dapat mengelokan pembarisan mengenai pekerja-pekerja lain seperti class structure dan ekonomi karena di antara ciri-ciri masyarakat Melayu abad ke 19 ialah hakikat bahawa kelas yang memerintah sesungguhnya adalah kelas yang menduduki status yang tertinggi dalam masyarakat; malahan sistem ekonomi juga dimonopoli oleh kelas pemerintah.

Hujjah-hujjah yang telah di berikan di atas sebenarnya bererti penulisan sejarah sosial Malaysia melibatkan skop yang amat luas,tetapi masalah mungkin tidak akan timbul jika sekiranya seseorang penulis itu dapat mengorientasikan pemikirannya kepada suatu pekora yang asas iaitu perkembangan masyarakat Malaysia.Dalam lain perkataan,masyarakat Malaysia seharusnya di gunakan sebagai focus dan soalan-soalan yang dibentuk sepatutnya berkisar disekitar proses perkembangan masyarakat tersebut.

Pada dasarnya,proses itu boleh di bahagikan kepada tiga peringkat yang mustahak.Oleh karena asal usul masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu ini masih kabur dan mungkin ahli sejarah tidak akan berjaya menjumpai bahan-bahan yang konkret maka peringkat yang awal dalam proses itu boleh di periksa sebagai zaman masyarakat pra sejarah dan kajian tentang zaman itu terpaksa bergantung kepada kajipurba.Peringkat ke dua bermula dengan kedatangan Islam yang membawakan perubahan yang amat mustahak kepada masyarakat Melayu.Sesungguhnya, setakat ini, penyelidikan mengenai pekora ini masih belum lengkap kerana bahan-bahan juga terbatas.Kebanyakkan bahan memerlukan keadaan hidup kelos atasor, rakyat jelata jarang sekali diberikan perhatian yang sewajarnya.Namun demikian sedikit sebanyak dapat dipastikan tentang organisasi masyarakat masyarakat dan sistem nilai penduduk.Proses perubahan yang selanjutnya berlaku pada abad yang ke 19 dan menjelang tahun-tahun 1920an pola masyarakat baru jelas kelihatan.Pada dasarnya ini merupakan perubahan yang berakibat daripada faktur ekonomi.Maka pada masa itulah timbul masyarakat majmuk atas segala yang amat luas.Tetapi perbincangan mengenai asas perubahan itu tidak seharusnya tertumpu kepada kemunculan pola penduduk yang baru.Perubahan teknologi yang berlaku pada masa itu perlu di berikan perhatian yang teliti kerana ia juga memberi kesan kepada kehidupan dan penghidupan penduduk.

Secara ringkas, itu merupakan suatu rangka bidang yang mungkin n cukup rasional untuk penulisan sejarah sosial Malaysia. Butir2 sa salanjutnya tidak perlu di sebutkan dengan panjang lebar dalam kertas kerja ini. Hanya beberapa contoh yang perlu di berikan. Perbincangan mengenai masyarakat pra-sejarah terpaksa di elakkan di sini kerana itu adalah tajuk yang sifatutnya di bincarkan oleh orang yang mahir dalam Kajipurba. Zaman sejarah biasanya di ketahui bermula lebih kurang pada abad yang ke 14. Dari tempuh itu sahingga abad yang ke 18 tema yang dominate dalam sejarah sosial Malaysia ialah masyarakat Melayu (termasuk pengaruh Islam). Walau pun, pada masaitu, di Semenanjung Tanah Melayu terdapat beberapa kerajaan yang bebas, kalau di tinjau dari segi kebudayaan memang tidak terdapat perbezaan yang besar. Hanya dua bentuk kebudayaan dapat di lihat - satu mungkin dapat di sebutkan sebagai Adat Temenggong dan satu Adat Pepatih. Di kalangan mereka yang mengamalkan adat Temenggong memang dapat di lihat banyak variasi tempatan dan ini juga perlu di berikan perhatian yang sewajarnya. Di samping itu, harus di ingati, masyarakat Melayu juga bersifat heterogeneous. Selewatnya, pada abad ke 17 sudah ujud berbagai "suku" di Semenanjung ini - Petani, Mendeling, Rawa, Aceh, Kompar, Bugis dlsy, juga tidak ketinggalan mereka yang mengamalkan Adat Pepatih - Minangkabau, di samping orang Melayu yang lebih awal berada di sini yang menganggap diri sendiri sebagai Melayu jati. Jelts sekali, kejion2 tentang keperibadian budaya masing2 masih belum di selenggarakan dengan cara yang mendalam. Memang tidak mudah untuk mendapatkan bahan2 tentang bilokeh satu2 "suku" itu mulai tiba di Semenanjung ini serta proses perkembangan yang berlaku dalam organisasi kemasyarakatan tiap2 suku, tetapi oleh kerana sahingga sekarang masih dapat di pastikan "suku" yang tersebut maka sekurang2nya kejion yang lebih moden tentang mereka dapat di lakukan.

sasempainya pada ketika kemunculan dan perkembangan masyarakat majmuk. Dalam masyarakat Malaysia yang moden itu bukan hanya terdapat gulungan ethnrik Cina dan India, tetapi tiap2 satu gulungan itu juga bersifat heterogeneous. Secara kasar dapat dikatakan bahawa di kalangan orang Cina terdapat gulungan2 kedaerahan seperti Chiang Chew, San Yu, Eng Teng, Eng Choon, Hok Chew, Tai Pu Hokka, kesemuanya dari Wilayah Fukien dan Kwong Fu, Teo Chew, Hailam, San Meng, Chen Song Hokka, Fui Chew Hokka dan Kah Yeng Chew Hokka, yang berasal dari Wilayah Kwangtung. Tiap2 satu gulungan itu sehingga sekarang mengekalkan keperibadian masing2 dan faktor itu memberi kesan yang penting kepada organisasi kemasyarakatan mereka.

Walau pun lebih kurang 80% daripada orang India di Malaysia adalah orang Tamil yang berasal dari apa yang di sebutkan sebagai Madras Presidency (sekarang Tamil Nadu), penduduk India di negara ini juga terdiri daripada berbagai gulungan kedaerahan. Yang paling penting sekali, selain daripada Tamil, ialah Malayali, Telegu - kedua-duanya dari India Selatan - dan Punjabi, Bengali dan Sindhi dari India Utara. Di samping itu perlu di sebutkan orang Tamil dari daerah Jaffna dari Ceylon (sekarang Sri Lanka). Masing-masing hidup agak terponcil daripada yang lain.

Satoket ini dalam persejarahan Malaysia memang tidak di jumpai . kajian2 yang mendalam tentang berbagai aspek penduduk Malaysia. Di sini, perlu di tambah bahawa dengan munculnya Malaysia pada tahun 1963 harus di perhitungkan juga complexity masyarakat Sabah dan Sarawak kerana di situ pun ujud penduduk yang bersifat heterogenous.

Mungkin ada orang yang beranggapan bahawa sifat pembahagian dan perpecahan penduduk Malaysia ini tidak sepatutnya di titik beratkan. Sa baliknya, sifat2 persamaan dan perpaduan harus di utamakan. Ini sangat-sungguhnya adalah soal yang bagi saorang ahli sejarah tidak dapat di

jawab di luar kon'eks pekerjaannya. Terpaksa di akui bukan semua ahli sejarah menulis dengan tujuan dan matlamat yang sama. Tetapi bagi saorang ahli sejarah yang mementingkan hakikat apa yang di utamakaninya bergantung kepada keadaan yang sebenarnya dan, sebagaimana telah di sebutkan, kepada apakah soalan yang perlu di jawab. Andai katanya, saorang ahli sejarah ingin mencari sebab2 mengapa masalah perkauman berlaku di negara ini, maka faktor2 yang mengakibatkan masalah itu memang semestinya di utamakan. Sabaliknya, kalau tujuannya ialah untuk mencari unsur2 yang pernah menyatakan penduduk Malaysia maka sudah tentu apa yang di tonjolkannya berbeda dengan tulisan saorang sejarawan yang ingin memahami mengapa masalah perkauman timbul. Selanjutnya, kalau ia ingin membuat perbandingan di antara faktor2 yang mengakibatkan perpecahan dan perpaduan, maka jelas sekali dalam konteks masyarakat Malaysia memang tidak dapat di songkol bahawa faktor negatif lebih berondong daripada faktor positif. Kalau masyarakat tidak berani menghadapi hakikat, bagaimanakah masalah dapat di atasi?

Walau bagaimana pun terpaksa di akui bahawa bentuk sejarah sosial Malaysia yang akan di tulis tidak dapat di tentukan oleh seorang individu. Pertenggapan saorang sejarawan itu bergantung kepada banyak faktor yang kesemuanya tersurat dalam batin ahli sejarah sendiri-ideologinya, ugumannya, kepercayaannya, pengamalannya, pandangan dunianya merupakan jumlah faktor yang akan mempengaruhi perspektifnya tentang sejarah. Dalam konteks akademik apa yang lebih penting mungkin ialah kesanggupan saorang itu untuk membuat penyelidikan serta menulis. Pengetahuan manusia ta' pernah statis. Pertentangan pendapat bukan penyakit. Tiap2 saorang manusia b's sempelajari daripada manusia lain. Yang di horopkan ialah pada tahun2 akan datang lebih ramai lagi para mahasiswa dan sarjana akan cuba mengkoji berbagai aspek sejarah masyarakat Malaysia bukan kerana sejarah merupakan suatu disiplin yang unggul tetapi kerana sejarah seperti disiplin lain adalah suatu cabang pengetahuan dan, pengetahuan tidak pernah merugikan manusia.

SEMINAR SEJARAH MALAYSIA KE II

"Sejarah lisan dan tempatan serta peranananya dalam penulisan sejarah Malaysia"

oleh

RAHMAT BIN SARIPAN

Jabatan Sejarah  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Kuala Lumpur.

Tarikh: 7hb Ogos 1974

Masa : 8.00 - 10.00 malam

*tervez*

Sejarah adalah suatu bidang ilmu pengetahuan yang luas dan sejarah lisan merupakan suatu aspek yang memang telah disedari peranannya dalam pensejarahan sejak zaman Yunani Tua lagi.<sup>1</sup> Misalnya Herodotus dan Thucydides telah menggunakan kaedah sejarah lisan dalam penulisan mereka dan teknik sejarah lisan telah dimajukan di zaman awal perkembangan Islam di Tanah Arab oleh penulis-penulis seperti al-Bukhari dalam menentukan kebenaran sejarah hadis-hadis. Di Semenanjung Malaysia pula tokoh penulis 'moden' yang mula-mula sekali memakai kaedah sejarah lisan dalam tulisan-tulisannya ialah Abdullah bin Abdul Kadir<sup>2</sup> yang banyak merakamkan keterangan-keterangan lisan semasa lawatannya ke Pantai Timur pada awal abad ke 19. Sejarah lisan sebagai suatu kaedah sejarah memang dapat memainkan peranan penting dalam pengumpulan dan penulisan sejarah Malaysia kini.

Sebelum membicarakan tentang teknik dan peranan sejarah lisan saya rasa perlulah didefinisikan istilah sejarah lisan. Dari segi objektif sejarah lisan adalah segala pernyataan atau ingatan yang dituturkan oleh manusia dimasa yang lampau. Dari segi subjektif sejarah lisan adalah suatu kaedah atau teknik pengumpulan dan penulisan sejarah berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang terdapat dalam bentuk lisan. Berdasarkan kepada tema seminar ini maka sejarah lisan patutlah menekankan usaha pengabadian sumber-sumber sejarah dalam bentuk lisan yang belum dirakamkan dalam tulisan.

69793

Saya rasa sejarah lisan dapat dibicarakan dari 2 segi iaitu:

(i) teknik atau kaedah, dan (ii) thema. Dalam kertas ini saya akan tumpukan kepada kaedah sejarah lisan kerana soal themanya akan dapat dilihat dalam perbincangan mengenai peranannya disamping sejarah tempatan.

Pengalaman saya sendiri dalam sejarah lisan agak terhad kepada beberapa temuramah yang pernah saya lakukan dalam dua tiga tahun yang lalu dengan tokoh-tokoh tempatan terdiri dari golongan pembesar, pentadbir petani, ugama dan seorang bomoh diraja. Pernah juga saya menyertai penyelidikan kumpulan terdiri dari empat orang tenaga pengajar Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia ke Pahang dalam projek pengumpulan bahan-bahan sejarah lisan pada tahun 1971 tetapi dalam kertas kerja ini saya akan tumpukan perbincangan mengenai teknik temuramah yang dilakukan oleh seseorang penyelidik sahaja.

Untuk menentukan kaedah yang paling berkesan memanglah sukar dinafikan bahawa dalam banyak hal keberkesanan kaedah itu bergantung rapat kepada kebijaksanaan penyelidik itu sendiri dan persediaan-persediaan awalan yang perlu dibuatnya: (1) pengetahuan latarbelakang mengenai tokoh-tokoh yang hendak ditemuramah, (2) kajilidikan tentang perkara-perkara utama yang akan ditanyakan kepada tokoh-tokoh tersebut dan (3) temuramah awalan yang merupakan tinjauan yang pernah dilakukan sebelum penyelidik mengemukakan soalan-soalan yang khusus.

Disamping persediaan-persediaan yang rapi penyelidik sejarah lisan patutlah mengetahui apakah halangan-halangan yang mungkin berlaku dan cara-cara mengatasinya. Tokoh-tokoh yang hendak ditemuramah hendaklah diberitahu tentang kedatangan penyelidik dan sekiranya seseorang tokoh merupakan seorang yang telah tua dan usur maka penyelidik haruslah bijaksana memilih waktu yang sesuai untuk menjalankan temuramah. Pendek kata penyelidik perlu faham keadaan masyarakat yang hendak dihadapinya. Kerana kalau tidak, besar kemungkinannya penyelidik akan merasa keciwa dengan hasil penyelidikannya. Seorang siswazah lanjutan sejarah yang sedang menyiapkan tesis sarjanannya<sup>3</sup> telah menyatakan bahawa ia terpaksa menyenangkan hati tokoh-tokoh yang hendak ditemuramahnya dengan menghadiahkan rokok keretek dalam menyelidik sejarah lisan tentang perkembangan masyarakat imigren suku bangsa Jawa di Pesisiran negeri Selangor. Oleh kerana penyelidik mengetahui bahasa mereka iaitu bahasa Jawa maka mereka telah menjawab soalan-soalan penyelidik dengan cara terusterang tanpa halangan-halangan seperti perasaan malu yang sangat kuat membendong orang-orang Jawa di kawasan tersebut daripada melahirkan isihat mereka kopada orang luar (penyelidik).<sup>4</sup> Mungkin apa yang saya huraikan di atas tidak penting tetapi berdasarkan kepada pengalaman saya sendiri seseorang penyelidik dengan perakampita dan kamera adalah suatu fenomena yang ganjil di samping mendapat perhatian yang besar dari ahli-ahli masyarakat desa. Penyelidik mungkin ditemuramah dan ditawarkan bantuan seperti ditunjukkan

beberapa tokoh-tokoh lain yang perlu ditemui. Tanpa pengetahuan latar-belakang yang jelas dan persediaan awal, besar kemungkinannya penyelidik akan menghabiskan masa membuat kerja-kerja yang tidak berkaitan rapat dengan matlamat kajilidikan. Dalam hal ini memang tidak ada kaedah yang lebih berkesan daripada kebijaksanaan dan intuisi penyelidik sendiri.

Dalam mengemukakan soalan-soalan penyelidik hendaklah menentukan kecenderungan utamanya. Dalam temuramah yang bertujuan untuk mengesahkan peranan seseorang itu dalam sejarah tempatan yang pernah saya serta dalam tahun 1971 di Pantai Timur, kecenderungan kita adalah pada kisah-kisah sejarah atau episodes. Dalam hal ini penyelidik boleh mengemukakan soalan-soalan yang bertujuan mendapatkan kisah-kisah hidup dirinya dan hubungannya dengan tokoh-tokoh sezamannya. Matlamat sesuatu temuramah adalah untuk menggalakkan dan membiarkan seseorang tokoh yang ditemuramah itu bercakap dan penyelidik mendengar tutur-katanya dengan penuh minat. Minat yang ditunjukkan oleh penyelidik sangat penting kerana dengan ini tokoh itu akan menerangkan apa-apa yang paling jelas dalam ingatannya.

Semasa tokoh yang ditemuramah itu menuturkan ingatan dan kenangan yang disoalkan oleh penyelidik ada baiknya penyelidik membuat catitan-catitan mengenai perkara-perkara penting yang diliputinya. Ini perlu bukan hanya kerana perkaman yang dijalankan harus disunting kembali dan disalin dalam bentuk tulisan tetapi penyelidik patut mempersoalkan

perkara-perkara yang perlu mendapat penjelasan seperti nama-nama tempat dan tokoh yang agak asing kepada penyelidik. Misalnya tokoh yang ditemuramah ada menyebutkan tarikh-tarikh yang memang penting ditentukan, maka tarikh seumpama itu dapat dikemukakan kembali kepadanya. Katakan tokoh ini menyebut tahun 1909 sebagai tarikh kembalinya ia ketempat asalnya setelah mengembara ke sebuah negeri lain. Soalan yang boleh dikemukakan mengenai tarikh tersebut setelah ia menuturkan kisah-kisahnya adalah: "Kepulangan datuk ke tempat tumpah darah pada tahun 1909 atau 1911?" Misalnya penyelidik mengetahui bahawa tahun 1911 adalah suatu tarikh yang penting kerana beberapa orang tokoh pejuang kebangsaan Melayu telah dibenarkan kembali ke Semenanjung oleh pemerintah Inggeris. Katakanlah penyelidik hendak mengetahui samaada tokoh yang ditemuramah itu seorang daripada mereka yang terpaksa keluar negeri sebab tekanan dan tindakbalas penjajah Inggeris. Sekiranya ia menegaskan tarikh yang tepat ialah 1909 kerana tarikh itu adalah tarikh lahir seorang cucu lelakinya yang sulung dari seorang anak perempuannya maka tarikh itu dapat dianggapkan sebagai dapat dipertanggungjawabkan. Tetapi sekiranya ia masih ragu-ragu maka beberapa soalan lanjut dapat dikomukakan. Sekiranya ia tidak ragu-ragu pun soalan-soalan yang berkaitan dengan pengetahuan latarbelakang penyelidik dapat dikemukakan misalnya: "Mengapakah datuk balik dari luar negeri itu?" Mungkin dapat disoal "Bagaimanakah datuk balik?" "Adakah sahabat-sahabat datuk yang balik bersama-sama?" Pendek kata penyelidik perlu menyiasat dengan lebih lanjut perkara-perkara yang penting yang telah dikemukakan

serta menimbulkan perkara-perkara yang mungkin dilupainya. Penyelidik sentiasa meminta tokoh yang ditemuramah memberikan kejadian-kejadian yang khusus sebagai contoh kenyatannya. Misalnya tokoh ada mengisahkan tentang penentangannya terhadap penjajah British dan dalam suatu pertempuran ia telah mendapat kecederaan tetapi terlepas dari tangkapan. Soalan yang khusus mungkin berbunyi begini: "Berapa orangkah yang cedera?" "Siapakah yang mati?" "Berapa pucuk senjata api yang telah digunakan oleh pihak datuk?" Sekiranya ia seorang tokoh pemimpin ia pasti tahu semua kegiatan yang dipimpinnya dan sekiranya ia sudah lupa maka sebagai sumber sejarah lisan ia memanglah kurang dapat dipertanggungjawabkan.

Dalam mengadakan temuramah saya lebih suka membenarkan tokoh yang ditemuramah bertutur mengikut gaya dan kelancarannya sendiri supaya aliran fikirannya tidak tergugat oleh soalan-soalan yang dikemukakan dengan pantas dan mendesak. Sebenarnya penyelidik berpeluang membimbing tokoh ini untuk memperkatakan sesuatu perkara yang diperlukan dengan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan. Tetapi sekiranya tokoh yang ditemuramah itu seorang yang bijaksana seperti bekas Perdana Menteri maka penyelidik mungkin dapat memintanya memberikan penjelasan lanjut mengenai sesuatu peristiwa dengan mengemukakan soalan-soalan yang ringkas dan tajam.

Kita pernah mendengar tentang adanya orang-orang yang takutkan mikrofon. Dalam pengalaman saya ada seorang tokoh yang dikatakan tidak

suka kepada mikrofon dan tidak mahu bertemu ramah sekiranya tutur katanya dirakamkan. Perihal ini diberitahu oleh seorang yang pernah menemui tokoh itu. Dengan pengetahuan latar belakang seumpama itu mengenai tokoh yang hendak ditemu ramah maka saya tidak terus membicarakan tajuk tetapi berbual-bual mengenai perkara-perkara lain. Apabila soalan-soalan yang berkaitan rapat dengan butir-butir kajian dikemukakan maka pita rakaman pun dipasang dan sepanjang temu ramah itu tidak pula terdapat bantahan daripadanya. Penyelidik sejarah lisan tidak perlu ragu-ragu terhadap tokoh-tokoh moden dalam sejarah Malaysia seperti tokoh-tokoh politik dan pentadbir kerana mereka telah biasa dengan mikrofon, mereka telah selalu berucap di khalayak ramai dan ada di antara mereka yang telah merencana surat-surat peribadi dalam pitarakaman untuk ditaipkan oleh setiausaha-setiausaha mereka.

Masaalah yang mungkin dihadapi oleh penyelidik apabila berhadapan dengan tokoh yang ditemu ramah adalah bagaimana hendak mengemukakan pertanyaan yang menyenggung peribadi atau pandangan tokoh itu terhadap sesuatu perkara. Misalnya agak sukar untuk menyatakan seorang bekas Perdana Menteri tentang suatu tindakannya yang tidak disukai ramai di zaman kekuasannya. Pertanyaan yang tidak menyenggung mungkin bermula begini: "Akbar-akbar telah melapurkan bahawa Tengku menghadapi masaalah besar dalam menyetujui rancangan pembinaan kilang ...?" Soalan ini menarik perhatian dan ingatannya kepada lapuran-lapuran akbar yang mengkritik

dasar dan tindakannya. Tokoh yang ditemuramah akan menjawab pengkritik-pengkritiknya dan dia tidak menganggap kritik-kritik itu datang dari penyelidik secara langsung. Suatu langkah lain yang bertujuan mendapatkan maklumat-maklumat secara tidak langsung adalah dengan menimbulkan pendapat yang bertentangan. Misalnya penyelidik hendak mengetahui sebab-sebab dalam seseorang tokoh itu meletakkan jawatan dalam partinya, penulis mungkin dapat mengemukakan soalan begini: "Tuan, mungkin pada suatu masa yang akan datang ada seorang penulis yang terkenal menyatakan dalam tulisannya bahawa sebenarnya tuan telah digulingkan oleh kumpulan yang tertentu dalam parti tuan sendiri. Apakah kenyataan seumpama itu dapat disalahkan?" Tentu sekali tokoh yang ditemuramah itu akan membentang beberapa hujah yang menentang kenyataan yang tidak tepat itu.

Suatu perkara penting yang patut disedari oleh seseorang penyelidik sejarah lisan adalah hakikat ketokohan seseorang yang ditemuramah, misalnya peranan dan pengalamannya dalam mahkamah, pejabat daerah, parlimen, kabinet, parti dan sebagainya. Dengan berdasarkan kepada hakikat itu maka penyelidik boleh memikirkan soalan-soalan yang cuba meninjau kenyataan-kenyataan yang menerangkan hubungan-hubungan yang ujud di antara tokoh itu dengan institusi-institusi yang diceborinya.

Di Jabatan Sejarah ada suatu kursus sejarah yang cuba mencedok bahan-bahan sejarah dengan menggunakan kaedah sejarah lisan dengan kerjasama beberapa orang tokoh-tokoh Malaysia. Mereka diminta memberikan latar-

belakang riwayat hidup dan kemudian memberikan ceramah mengenai sesuatu aspek sejarah yang khusus yang ia sendiri memainkan peranan penting. Misalnya Ustaz Abu Bakar al-Bakir (sekarang aruah) telah dijemput membentangkan suatu ceramah mengenai perkembangan pendidikan ugama di Perak dan Drs. Ibrahim bin Haji Yaakob (sekarang memakai nama Iskandar Kamel berada di Jakarta) menghuraikan peranannya dalam pergerakan kebangsaan Melayu sebelum Perang Dunia II. Dengan memakai kaedah sejarah lisan yang telah saya huraikan sedikit sebanyaknya di atas sumber-sumber sejarah lisan dapat dikumpul dan ditulis.

Pihak Jabatan Sejarah telah mengadakan projek kajilidikan sejarah lisan dan tempatan ke Melaka dalam sessi 1973/74 yang disertai oleh penuntut penuntut tahun IV (Kepujian) dan hasilnya dapat disaksikan dalam bentuk latihan-latihan ilmiah yang tersimpan dalam perpustakaan Jabatan Sejarah. Kaedah sejarah lisan dalam konteks sejarah tempatan akan saya bicarakan selanjutnya di bahagian akhir kertas kerja ini.

Setelah menjalankan temuramah maka penyelidik patutlah menyalin verbatim rakaman yang dibuat dengan sesorang tokoh itu. Apabila siap ada baiknya salinan transcript itu dikemukakan kepada tokoh yang ditemuramah untuk disemak dan ditokoktambah. Bagi penyelidik yang mendapat tokoh yang ditemuramah tidak lagi dapat dikemukakan dengan soalan-soalan yang menyinggung peribadinya, maka inilah suatu peluang keemasan bagi mengemukakan pertanyaan-pertanyaan itu secara bertulis. Sekiranya penyelidik telah

menjalankan temuramah dengan memuaskan dan menghasilkan salinan yang baik maka soalan-soalan sampingan itu akan dijawab dengan senang hati.

Sebagai suatu kaedah penyelidikan, sejarah lisan memang mempunyai kelemahan dan batasan tertentu kerana kenangan atau ingatan mudah lupa di pantai zaman. Keterangan yang diperolehi dengan menggunakan kaedah sejarah lisan kebanyakannya tidak mungkin dipertanggungjawabkan tanpa sokongan bukti-bukti lain yang dapat mengesahkannya. Namun begitu dalam usaha mengumpul dan menulis sejarah Malaysia batasan seumpama itu tidak seharusnya menjadi halangan kepada penggunaan kaedah ini dalam memajukan pensejarahan di Malaysia.

Dalam kehidupan manusia dan masyarakat alat hubungan yang mudah, pantas dan tidak kurang kesannya dalam membuat sesuatu keputusan adalah dengan cara lisan. Bagi manusia dan masyarakat yang simple dan illiterate sejarah mereka memang dalam bentuk lisan iaitu tradisi lisan.<sup>5</sup> Di zaman moden ini mungkin ada di antara kita yang masih belum menyedari peranan sejarah lisan dalam penulisan sejarah Malaysia kerana sumber-sumber sejarah bertulis telah banyak. Pengutamaan sumber-sumber bertulis memang wajar disebabkan kaedah sejarah lisan hanya baru-baru ini cuba digunakan di Malaysia dan hasilnya belum diketahui umum.<sup>6</sup>

Di Malaysia hari ini ada suatu kecenderungan terhadap kemajuan sains dan teknoloji disamping ada suara yang mempersoalkan kepentingan ilmu pengetahuan bukan sains seperti sejarah dan lain-lain cabang ilmu

kemanusiaan. Kecenderungan yang tidak seimbang itu bukan sahaja akan meluputkan banyak bahan-bahan sejarah yang penting bahkan membantutkan perkembangan pensejarahan di Malaysia. Memang tidak dinafikan bahawa kemajuan teknoloji itu perlu dan dengan perkembangan seumpama itu juga banyak bahan-bahan sejarah terhapus kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, misalnya melalui talipon atau wayales ahli-ahli masyarakat boleh berhubung dan membuat keputusan penting tanpa merekodkannya. Tokoh-tokoh yang membuat keputusan penting seumpama itu mungkin tidak mempunyai masa mencatatkan keadaan atau sebab-sebab keputusan seumpama itu diambil. Kalau mereka ada menyimpan memoirs atau catatan harian dan merakamkan apa yang telah diperkatakan dalam talipon itu maka mudahlah penyelidik sejarah mendapat sumber-sumber sejarah.<sup>7</sup> Kalau tidak diselidiki semasa tokoh-tokoh itu hidup dengan menggunakan kaedah sejarah lisan maka besar sekali kemungkinannya kenangan dan ingatannya tentang masa lampau akan ditelan zaman.

Kebanyakan sumber-sumber bertulis yang tersimpan di arkib, perpustakaan dan dalam simpanan persendirian memang mempunyai kekurangan. Saya sedar ada usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak arkib untuk menampung kekurangan ini dengan mengumpulkan bahan-bahan sejarah lisan tetapi sekiranya kita dapat berganding bahu menjalankan suatu kgiatan yang berencana dan sistematis maka kedua-dua pihak yang mengumpul (menyimpan) dan pihak yang mengkaji (penuntut-penuntut sejarah) akan dapat

memajukan kaedah sejarah lisan. Usaha-usaha seumpama ini bertambah bererti lagi memandangkan betapa kurangnya tokoh-tokoh Malaysia yang berminat dan bergiat mencatatkan dengan secara sedar peristiwa-peristiwa penting yang bersejarah yang berlaku pada diri dan sekitar mereka.

Sejarah lisan memainkan peranan penting dalam kajian sejarah secara mikro sebagaimana yang akan saya bicarakan dengan lanjut seterusnya. Dalam mengkaji suatu bidang sejarah tempatan, misalnya perkembangan masyarakat tani imigren sukubangsa Jawa di pesisiran Selangor kaedah sejarah lisan sangat berguna kerana sumber-sumber tulisan dari masyarakat itu sangat kurang. Bagi jenerasi tua mereka, bahasa Melayu adalah bahasa kedua dan penyelidik yang cuba memahami struktur dan sistem kemasyarakatan mereka yang asli terpakalah dapat bertemu ramah dalam bahasa Jawa supaya mereka dapat menuturkan butir-butir sejarah dengan terus terang.

Dalam usaha mengumpulkan sumber-sumber sejarah moden misalnya mengenai pembentukan Malaysia dan pemisahan Singapura didapati bahawa banyak daripada sumber-sumber utama masih dirahsiakan sebab kepentingan negara. Dokumen-dokumen yang dirahsiakan itu akan dapat diselidiki dan dikaji selepas berumur kira-kira 25 tahun tetapi sebelum itu ada baiknya kaedah sejarah lisan digunakan iaitu dengan bertemu ramah dengan beberapa orang tokoh yang terlibat dalam peristiwa-peristiwa yang penting itu. Sungguhpun besar kemungkinannya tokoh-tokoh yang terlibat enggan mendedahkan semua peristiwa-peristiwa penting tetapi kenyataan-kenyataan

lisan yang diperolehi tentulah dapat menambah keterangan-keterangan rasmi dan liputan-liputan akhbar.

Dalam usaha menulis dan mengkaji sejarah Malaysia pra-moden atau zaman tradisional misalnya mengenai asal-usul dan pembukaan sesebuah negeri atau perkembangan awal sesuatu masyarakat desa didapati bahawa tradisi lisan dapat digunakan sebagai sumber sejarah. Usaha mengumpul dan mendokumentasikan tradisi lisan bukanlah merupakan tugas sejarawan lisan yang utama, jadi bantuan daripada pengkaji-pengkaji dalam bidang sastera rakyat, antropologi kebudayaan, filoloji, folklore, dan seumpamanya yang lebih arif dalam bidang tradisi lisan perlulah diperolehi bagi menampung kekurangan sumber-sumber sejarah bertuliskan.<sup>8</sup> Tradisi lisan yang mengandung kebenaran sejarah berdasarkan pengetahuan daripada ilmu-bantu sejarah seperti yang tersebut di atas momang dapat digunakan sebagai sumber sejarah tetapi pendekatan sejarah pengkaji yang menggunakan tradisi lisan mungkin bersifat multi-dimensional dan sophisticated. Hal seperti ini agak sukar dielakkan kerana pendekatan penulis sejarah yang menggunakan tradisi lisan sebagai sumber sejarah terpaksaalah inter-disciplinary. Sesungguhnya seseorang penuntut sejarah yang baik itu patutlah meninjau segala kemungkinan menggunakan teknik dan kaedah baru dalam bidang-bidang ilmu pengetahuan yang lain supaya bidang sejarah Malaysia dapat berkembang dan maju.

Dalam usaha mengungkapkan kembali sejarah Malaysia, telah banyak

diperkatakan tentang pendekatan-pendekatan baru yang perlu diperaktikkan untuk memperkembang dan memajukan pensejarahan Malaysia dalam konteks sejarah Asia Tenggara amnya.<sup>9</sup> Untuk memajukan pensejarahan Malaysia saya berpendapat kita haruslah membina asas yang kukuh dan asas itu dapat dibina dengan bergiat mengumpul dan menulis sejarah tempatan. Akhir-akhir ini perkembangan sejarah Malaysia telah mula nampak jelas dengan terbitnya beberapa kajian yang merupakan hasil tulisan sarjana-sarjana tempatan yang sudah menunjukkan kewibawaan dalam bidang sejarah. Di bawah pengawasan sarjana-sarjana tempatan juga beberapa buah tesis sarjana telah dapat dihasilkan yang merupakan perkembangan baru yang sangat menggalakkan dalam pensejarahan tanah air.<sup>10</sup>

Sejarah tempatan atau lokal adalah suatu istilah sejarah yang mempunyai makna atau pengertian yang relatif. Dalam konteks sejarah Asia Tenggara maka sejarah Malaysia dapat dikatakan sebagai sejarah tempatan Asia Tenggara. Dari segi centricity Barat atau Asia, penulisan dari pandangan Asia atau Asia-centric adalah sejarah dari segi pandangan tempatan. Dalam mengkaji sejarah Malaysia ada dua kaedah sejarah yang dapat dilaksanakan iaitu (i) kajian makro dan (ii) kajian mikro. Sejarah Malaysia yang ditulis mengikut kaedah pertama dikatakan sebagai sejarah kebangsaan atau nasional tetapi sejarah yang ditulis mengikut kaedah kedua dipanggil sejarah tempatan atau lokal. Khoo Kay Kim berpendapat bahawa "... dalam pengajian dan penulisan Sejarah Malaysia (dan sesungguhnya sejarah mana-manapun) penyelidikan tentang perkara-perkara yang

microscopic harus diberikan perhatian kerana melalui yang microscopic baru kita dapat menangkap dengan lengkap macroscopicnya.<sup>11</sup>

Kajian sejarah mikro adalah suatu kaedah sejarah yang meneliti sesuatu keadaan atau peristiwa dengan terperinci seolah-olah objek yang dikaji itu diletakkan di bawah mikroskop, didefinisikan, diasingkan serta dianalisa dengan mendalam. Keadaan atau objek yang dikaji mungkin merupakan sebuah kampung, suatu famili, sebuah parti politik dan mungkin juga suatu yang diminati dalam sejarah (an interest in history). Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia memang menggalakkan pra-siswazah tahun kepujian menggunakan kaedah kajian mikro dan pada tahun 1973/74 sekumpulan daripada mereka telah membuat penyelidikan di Melaka tetapi mereka yang berminat untuk membuat penyelidikan di tempat asal mereka masing-masing pihak Jabatan Sejarah tidak menghalang malah memberi bantuan dan kerjasama yang serupa dengan mereka yang melaksanakan projek di Melaka. Hasil kajilidikan yang dicapai adalah memuaskan

dari segi pengumpulan bahan-bahan sejarah tempatan dan memang ada di antara mereka yang menghasilkan kajian-kajian yang sangat baik.<sup>12</sup> Di Jabatan kita juga ada beberapa orang calun sarjana yang telah menjalankan kajilidikan, bagi menuliskan tesis-tisis mengenai sejarah tempatan dan di Jabatan Sejarah Universiti Malaya saya difahamkan ada dua orang calun sarjana yang telah menyempurnakan tesis-tisis mereka mengikut kaedah kajian mikro. Jadi kaedah mikro memang sesuai dilaksanakan oleh pra-siswazah dan siswazah

lanjutan untuk mendapatkan ijazah-ijazah Sarjana Muda dan Sarjana, malah bagi mereka yang menjalankan kajilidikan untuk mendapatkan ijazah Kedoktoran Falsafah.

Suatu contoh kajian mikro yang saya anggap terkemuka dalam bidang sejarah Asia Tenggara telah dihasilkan oleh Professor Sartono Kartodirojo yang mengkaji tentang gerakan penentangan di perdesaan Jawa.<sup>13</sup> Sartono menyedari hakikat bahawa gerakan penentangan yang terdapat di kawasan-kawasan desa di Jawa itu adalah trivial dan local dari segi skopnya tetapi walaubagaimanapun gerakan itu telah membentuk arus-arus dalam pasang-surut perubahan sosial dan politik di Indonesia. Tegasnya, sungguhpun penentangan yang berlaku terhadap penjajahan di kurun 19 dan di awal kurun 20 itu kecil-kecilan tetapi dari segi idioleji, organisasi dan perkembangannya ia merupakan bibit-bibit perubahan sosial. Kajian-nya menunjukkan dengan jelas bagaimana sejarawan tempatan dapat menulis-kan sejarah tempatan dengan baik dan berkesan.

Di Malaysia kajian sejarah tempatan adalah suatu lapangan yang baru dan langkah-langkah untuk memajukannya memang dapat dianggap sebagai tindakan yang wajar. Di Universiti Malaya ada seorang penyelidik sejarah tempatan yang telah menyempurnakan sebuah tesis sarjanannya berjodol "Perkembangan-perkembangan di Muar."<sup>14</sup> Perkara pokok yang dibicarakan dalam kajiannya adalah perubahan dalam masyarakat bumiputera di daerah Muar dengan menyentuh faktor-faktor yang terdapat di dalam dan di luar

masyarakat itu. Penekanan adalah kepada faktor-faktor perubahan dalam masyarakat asli tetapi unsur-unsur Barat seperti pengenalan sistem-sistem politik, ekonomi dan kemasyarakatan tidak menjadi tulang belakang kajian-nya.

Di Malaysia juga memang ada tokoh-tokoh ilmiah yang menyelidik sejarah mempunyai pandangan yang serong terhadap kajian mikro dan ada yang mengatakan bahawa kajian mikro yang bersifat runcit akan memberikan gambaran yang palsu dan melulu.<sup>15</sup> Bagi mereka yang berpandangan demikian; adalah lebih utama bagi melaksanakan tafsiran yang saksama bagi mengemukakan hasil renungan ilmiah yang meliputi pandangan yang lebih besar, Khoo Kay Kim berpendapat, "Sesungguhnya, detail-detail dipentingkan bukan kerana itu dianggap mustahak per se tetapi berasaskan pengetahuan tentang beberapa bahagian yang lebih kecil kita boleh mudah memahami keseluruhannya kerana ... jumlah bahagian-bahagian yang kecil itu yang sebenarnya menjadikan keseluruhannya."<sup>16</sup> Renungan ilmiah yang meliputi pandangan yang lebih besar iaitu kajian makro momang perlu kerana tema seminar ini adalah pengumpulan dan penulisan sejarah Malaysia tetapi kajian mikro memainkan peranan yang tidak patut diperkecilkan, malah pengabaian kajian-kajian mikro akan mengakibatkan pengumpulan dan penulisan sejarah Malaysia terbantu dan mundur. Berasaskan kepada kajian-kajian mikro beberapa pandangan keseluruhan yang kurang tepat dapat dibetulkan. Misalnya sebuah kajian mikro mengenai sebuah parti politik yang muncul di Melaka pada tahun-

tahun 1956-1963 telah dapat menjelaskan sifat perjuangan parti tempatan itu dalam konteks perkembangan parti-parti politik di Malaysia.<sup>17</sup>

Kajian seumpama ini sangat-sangat diperlukan dalam bidang sejarah Malaysia.

Sepertimana yang telah dapat sebutkan di atas bahawa kaedah sejarah lisan dapat berganding bahu dengan pengkajian sejarah tempatan. Seterusnya sejarah tempatan itu dapat diungkapkan dengan mencontohi tulisan Professor Sartono yang menggunakan kaedah sejarah yang bersandarkan kepada teknik-teknik anthropoloji dan sosioloji kerana walaupun sejarah tempatan itu mempunyai skop yang kecil tetapi fenomena yang dikaji mungkin kompleks. Misalnya kajian tentang perkembangan masyarakat imigren suku bangsa Jawa di pesisiran negeri Selangor mencakupi aspek-aspek perubahan yang dapat dijelaskan dari berbagai-bagai segi dengan menggunakan alat-alat analisa yang dipakai oleh ahli-ahli anthropoloji dan sosioloji. Inilah sebenarnya apa yang saya telah katakan suatu pendekatan yang multi-dimensional dan inter-disciplinary.

Penyelidik-penyalidik sejarah bukan sahaja memerlukan bantuan dari ahli-ahli dalam disiplin-disiplin lain tetapi dari orang ramai yang berminat dalam lapangan sejarah tempatan. Mereka memang dapat membantu penyelidik mengumpulkan keterangan-keterangan sejarah dengan dua cara: (i) menghubungi penyelidik-penyalidik sejarah tempatan mengenai tokoh-tokoh sejarah yang ada di tempat masing-masing samaada mengenai sejarah asal-usul sesuatu kampung atau pekan, cerita-cerita legenda, cerita-cerita

sejarah seorang tokoh tempatan dan sebagainya, dan (ii) mencatatkan dan menuliskan apa-apa yang dianggap penting dari segi sejarah. Kita tidak memerlukan mereka menulis secara ilmiah kerana usaha seumpama itu memang lah tidak mudah tetapi apa yang kita perlu adalah keterangan-keterangan sejarah yang dapat membantu penyelidik-penyalidik tempatan mengumpulkan dan menulis sejarah Malaysia. Baru-baru ini kita telah mendengar timbulnya rancangan pihak yang berkenaan hendak menubuhkan sebuah muzium sejarah di Kuala Lumpur dan kita harap aspek-aspek sejarah lisan dan tempatan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Catitan-catitan:

1. H.E. Barnes, A History of Historical Writing, New York, 1963, hal. 28-32.
2. Kassim bin Ahmad (penyunting), Kisah Pelayaran Abdullah, Kuala Lumpur, 1960, passim.
3. Khazin bin Mohd. Tamrin sedang menulis sebuah kajian sejarah mikro (tempatan) tentang penghijrahan dan perkembangan masyarakat suku-bangsa Jawa di pesisiran negeri Selangor pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20.
4. Sungguhpun penyelidik berasal dari Kelang, Selangor, ia masih dianggap sebagai 'orang luar' semasa menjalankan penyelidikan sejarah lisan.
5. Lihat, Jan Vansina, Oral Tradition: A Study in Historical Methodology, London, 1965. (Terjemahan dari Bahasa Perancis oleh H.M. Wright.)
6. Mohamad Amin Hassan, "Tradisi Lisan - Sejarah Lisan: Dalam usaha Mengkaji Sejarah Tanah Air Kita," dalam Seminar Pengumpulan, Pengajian dan Penggunaan Tradisi Lisan di Malaysia, Kuala Lumpur, 30hb Mac 1973.
7. Di antara beberapa orang pemimpin-pemimpin dunia hari ini, Presiden R.M. Nixon menyedari kepentingan rekod-rekod perbualannya dalam talion dan dengan pegawai-pegawai tingginya, tetapi sebahagian daripadanya, "The Watergate Tapes" menjadi masalah politik yang paling besar yang sedang dihadapinya sekarang. Penyelidik sejarah lisan dapat mempelajari sedikit sebanyak teknik dan peranan sejarah lisan daripada mereka yang menyalin kembali rakaman pita dan menghasilkan The Nixon Papers. Lihat Newsweek, May 13, 1974, hal. 1. "It was the most extraordinary document ever to emerge from the White House — a 1,308-page book of the Nixon Administration's next-to-innermost secrets. In releasing the edited transcripts of 46 of his Watergate conversations and telephone calls, Mr. Nixon was making a desperate gamble — that he could survive as President by exposing his Administration, warts and all, to public view."
8. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan mengenai tradisi lisan di Malaysia, di antaranya: (a) Amin Sweeney, "Some Suggestions on the Collecting of Oral Literature with Special Reference to West Malaysia", kertas kerja yang belum diterbitkan, Kuala Lumpur, 1973?; (b) Abdullah bin Taib, "Field Method in Collecting Oral Tradition With Particular Reference to West Malaysia," dalam Regional Seminar

on Oral Traditions, Kuching, Sarawak, 12hb. — 16hb November 1973;  
(c) Mohd Taib Osman, "The Aims, Approaches and Problems in the Study  
of Folk Literature or Oral Tradition with Particular Reference to  
Malay Culture"; The Brunei Museum Journal, Jil.2, No.4, 1972; dan  
(d) Lihat juga, catatan 6.

9. Lihat misalnya, Khoo Kay Kim, "Recent Advances in the Study and  
Writing of Malaysian History", Peninjau Sejarah (Journal of the  
History Teachers' Association of Malaya) Jil.3, No.1, April 1968.
10. Di antara yang telah diterbitkan, (a) Khoo Kay Kim, The Western Malay  
States 1850-1873: Effects of Commercial Development on Malay Politics  
Kuala Lumpur, 1972; dan (b) Jang Aisjah Muttalib, Pemberontakan  
Pahang 1891-1895, Kota Bharu, 1972.
11. Khoo Kay Kim, "Sejarah Tempatan", Penyelidik (Jurnal Persatuan  
Pelajar-pelajar Lepasan Sekolah Alam Syah), Kuala Lumpur, Jil.1,  
No.1, Oktober 1972, hal.103-104.
12. Lihat misalnya, Nabir bin Hj. Abdullah, Maahad Ih Ihya Assyariff  
Gunung Semanggol, Latihan Ilmiah diserahkan ke Jabatan Sejarah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, untuk memenuhi sebahagian dari  
keperluan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, 1973/74, dan Oong  
Hak Ching, Partai Malayan 1956-63: Suatu Tinjauan Tentang Per-  
juangannya, Latihan Ilmiah diserahkan ke Jabatan Sejarah,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, untuk memenuhi sebahagian dari  
keperluan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, 1973/74.
13. Sartono Kartodirdjo, Protest Movement in Rural Java: A Study of  
Agrarian Unrest in the Nineteenth and Early Twentieth Centuries,  
Kuala Lumpur, 1973.
14. Abdul Malik Munip, seorang tenaga pengajar di Jabatan Sejarah,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
15. Lihat contohnya, Syed Muhammad Naguib al-Attas, Islam Dalam  
Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Kuala Lumpur, 1972, hal.1-3.
16. Khoo, "Sejarah Tempatan", hal.104-105.
17. Oong, Partai Malayan 1956-63, ix.